

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



MELAKA DALAM GEOPOLITIK MALAYSIA PADA PRA PRU-14, PRU-14 DAN PASCA PRU-14

*MELAKA IN MALAYSIAN GEOPOLITICS ON PRE GE-14, GE-14
AND POST GE-14*

Junaidi Awang Besar^{1*}

¹ Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran (PKPSP)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia
Email: jab@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2021

Revised date: 31.05.2021

Accepted date: 13.06.2021

Published date: 15.06.2021

To cite this document:

Awang Besar, J. (2021). Melaka Dalam Geopolitik Malaysia Pada Pra PRU-14, PRU-14 Dan Pasca PRU-14. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (24), 144-176.

DOI: 10.35631/IJLGC.6240010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Melaka merupakan sebuah negeri yang mempunyai pengundi campuran dengan 58 peratus adalah etnik Melayu. Pengundi Melayu di negeri ini terkenal dengan penyokong tegar dan fanatik UMNO menjadikan majoriti pengundi Melayu di negeri ini menyumbang kepada kemenangan besar kepada BN/UMNO dalam setiap pilihan raya umum. Negeri yang terkenal dengan legenda Hang Tuah dengan slogan "Tak Melayu Hilang Di Dunia" ini mempunyai pengundi yang setia menyokong UMNO yang juga merupakan parti keramat Orang Melayu sejak sebelum merdeka lagi. Namun sejak pilihan raya umum 2008, pengundi Cina yang asalnya juga menyokong BN telah beralih kepada DAP dan parti komponen pembangkang yang lain. Kawasan bandar dan majoriti pengundi etnik Cina terus dikuasai DAP dan parti pembangkang yang bersekutu dengannya. Kemuncaknya pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, 2018, akhirnya negeri ini jatuh kepada pakatan parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) dengan majoriti tipis dengan 15 DUN dimenangi PH berbanding 13 DUN dikuasai BN. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis Negeri Melaka dalam geopolitik Malaysia pada pra PRU-14, PRU-14 dan pasca PRU-14. Berdasarkan analisis data keputusan PRU 2018, pemerhatian di lapangan dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa kejayaan PH menawan DUN Melaka daripada BN adalah satu peristiwa yang menakjubkan dan di luar jangkaan semua pihak. Namun perubahan politik tersebut disebabkan oleh isu nasional dan tekad untuk menjatuhkan BN oleh pengundi terutamanya golongan muda atau first time voters. Meskipun PH berjaya menawan DUN Melaka namun PH hanya menang dengan majoriti tipis iaitu 2 DUN sahaja. PH menang di

kawasan bandar dan majoriti etnik Cina manakala BN/UMNO terus unggul di kawasan luar bandar dan majoriti etnik Melayu. Kemudian apabila BERSATU keluar daripada PH dan membentuk Perikatan Nasional (PN) bersama-sama dengan BN/UMNO, PAS, GPS dan GBS yang menguasai Kerajaan Persekutuan pada Mac 2020 maka Kerajaan Negeri Melaka juga jatuh daripada PH kepada PN yang diketuai BN hasil daripada lompat parti oleh dua ADUN BERSATU, satu ADUN PKR dan satu ADUN DAP menjadikan PN menguasai 17 kerusi DUN manakala PH hanya tinggal 11 kerusi DUN. Begitulah ilmu politik, tiada yang mustahil dan politik itu sendiri bersifat dinamik, berseni dan kadang-kadang sukar dijangka. Dengan itu, semua pihak perlu menerima keputusan politik rakyat Melaka ini dan memberi peluang kepada pimpinan Kerajaan Negeri untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pemerintah di negeri ini untuk melaksanakan manifesto atau 'aku janji' sepanjang lima tahun pemerintahan mereka di negeri bersejarah ini.

Kata Kunci:

Pengundi Campuran, Pilihan Raya Umum, Parti Pembangkang, Kawasan Bandar, Perubahan Politik, Manifesto

Abstract:

Malacca is a state that has a mix of voters of 58 percent of voters are ethnic Malays. Malay voters in the state known for its rigid and fanatical supporters of UMNO makes the majority of Malays in the country contributed to a major victory for the BN/UMNO in the general election. The state is known for its legendary Hang Tuah with the slogan "Tak Melayu Hilang Di Dunia" has loyal voters who support UMNO is also a sacred Malay party since before independence. But since the 2008 general election, Chinese voters who originally also supported BN have turned to DAP and other opposition component parties. Urban areas and the majority of ethnic Chinese voters continue to be dominated by DAP and its allied opposition parties. The culmination of the 14th General Election (GE), 2018, finally the state fell to the opposition party pact, Pakatan Harapan (PH) with a slim majority with 15 DUNs won by PH compared to 13 DUNs controlled by BN. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the State of Melaka in Malaysian geopolitics in the pre-GE-14, GE-14, and post-GE-14. Based on the analysis of GE 2018 results data, field observations and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings show that PH's success in capturing the Melaka from BN is an amazing event and beyond the expectations of all parties. However, the political change was due to national issues and the determination to bring down BN by voters, especially the young or first-time voters. Although PH managed to capture the Melaka PH only won with a slim majority of only 2 DUNs. PH win in urban areas and the majority of ethnic Chinese and the BN/UMNO continues to excel in the rural areas and the majority ethnic Malays. Then when BERSATU left PH and formed the National Alliance (PN) together with BN/UMNO, PAS, GPS, and GBS which controlled the Federal Government in March 2020 then the Melaka State Government also fell from PH to PN led by BN as a result of the party jump by two BERSATU assemblymen, one PKR assemblyman and one DAP assemblyman made PN controls 17 DUN seats while PH only has 11 DUN seats left. Such is the science of politics, nothing is impossible and politics itself is dynamic, artistic, and sometimes difficult to anticipate. Therefore, all parties must accept the political decision of the people of Melaka and give the opportunity to the leadership of the State Government to carry out their responsibilities as rulers in this state to implement the manifesto or 'commitment' during the five years of their rule in this historic state.

Keywords:

Mixed Voters, General Elections, Opposition Parties, Urban Areas, Political Change, Manifesto

Pengenalan

Negeri Melaka merupakan sebuah negeri yang terletak di bahagian barat-daya Semenanjung Malaysia dengan keluasan 1,650km². Negeri kecil ini mempunyai jumlah penduduk seramai 926,800 orang (2018). Dari segi pentadbiran negeri Melaka terbahagi kepada tiga buah daerah iaitu Melaka Tengah, Jaya, Alor Gajah dan Jasin. Bahagian pilihan raya bagi negeri Melaka terdiri daripada enam kawasan Parlimen dan 28 kawasan DUN. Dewan Undangan Negeri Melaka telah dibubarkan pada 7 April 2018 bagi memberi laluan kepada PRU-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018. Melaka turut jatuh kepada PH apabila parti itu menang majoriti mudah 28 kerusi DUN, satu keputusan yang tidak disangka. Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 memberi banyak isyarat kepada semua pihak terutamanya Barisan Nasional (BN). Sememangnya keputusan tersebut mengejutkan tetapi tiada apa yang boleh dilakukan kerana rakyat sudah membuat keputusan. Pilihan raya kali ini juga menunjukkan undi Melayu berpecah kepada tiga iaitu BN/UMNO, Gagasan Sejahtera/PAS dan Pakatan Harapan/PH. Namun demikian, sokongan Melayu kepada UMNO masih kukuh di kawasan luar bandar bersandarkan kepada beberapa faktor.

Pengundi Melayu di kawasan luar bandar terutamanya di Melaka lebih selesa dengan BN/UMNO kerana perlembagaan dan dasar perjuangan UMNO jelas untuk membela bangsa Melayu dan agama Islam. Hakikat ini juga disandarkan kepada trek rekod UMNO dalam mentadbir negeri termasuk Melaka dan negara yang banyak memberi manfaat kepada perkembangan sosioekonomi orang Melayu. Selain itu, orang Melayu mempunyai ciri feodalisme yang kuat iaitu bangga dengan identiti kebangsaan yang utuh, patuh dan setia kepada kepimpinan elit Melayu dan sayangkan tanah air asal ini iaitu Tanah Melayu. Dalam PRU 2018, kawasan majoriti Melayu di kawasan luar bandar di bahagian Utara, Timur, Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia termasuk di Negeri Melaka sendiri masih 'kebal' sebagai kubu kuat UMNO manakala di kawasan bandar termasuk di Melaka terus menyokong PH. Justeru adalah tujuan penulisan bab ini untuk memaparkan analisis geografi politik dan pilihan raya di Negeri Melaka dari segi bahagian pilihan raya, isu, manifesto, pola dan faktor sokongan kepada parti politik.

Melaka dalam Politik Pilihan Raya Malaysia

Tidak banyak kajian mengenai politik pilihan raya di Melaka dilakukan oleh sarjana ataupun badan penyelidikan di negara ini. Tan (1992) dalam kajian politik perkauman di Kota Melaka dalam pilihan raya umum 1969-1990 mendapati kesetiaan kepada parti lebih dominan berbanding perkauman di samping faktor-faktor personaliti dan khidmat calon. Perpaduan dalam kalangan masyarakat Cina juga tidak terjejas meskipun mereka berlainan ideologi politik. Goo (2002) dalam kajian kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka mendapati faktor kepemimpinan dan kelemahan BN yang menyebabkan DAP terus menang di Kota Melaka. Junaidi dan Mohd Fuad (2016) dalam kajian trend pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) Merlimau (Melaka) menunjukkan sokongan terhadap UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu. Ini mengukuhkan lagi hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu di persada politik negara hingga sekarang. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media

arus perdana; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen 'Politik Pembangunan' yang masih memerlukan bantuan atau 'tongkat' serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai 'tuan' dan penduduk 'asal' di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri, akan terus menyokong UMNO/BN.

Ding (2018) serta Ding & Junaidi (2018a & 2018b) dalam kajian mengenai persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen Bukit Katil menjelaskan bahawa senario politik di kawasan Parlimen Bukit Katil, Melaka adalah menarik kerana kawasan yang merupakan salah satu "kubu kuat" BN di Melaka ini buat pertama kalinya dalam sejarah politik Parlimen Bukit Katil telah ditawan oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang barsatu dengan DAP dan PAS melalui Pakatan Rakyat (PR) pada PRU 2013 yang lepas. Sokongan pengundi terhadap BN telah beralih kepada PKR/PR. Keadaan ini didesak lagi dengan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya mensyorkan cadangan persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen Bukit Katil, Melaka. Dapatan kajian juga menunjukkan majoriti responden mendapatkan sumber maklumat persempadanan semula daripada media elektronik dan ia dijadikan sebagai sumber maklumat yang paling dipercayai dalam kalangan pengundi. Terdapat responden yang mempunyai pengetahuan dan penyertaan dalam proses persempadanan semula. Dalam konteks impak persempadanan semula beberapa impak dikaji dalam mendapat pandangan persempadanan semula parlimen Bukit Katil. Hasil daripada kajian impak terhadap persekitaran fizikal, impak terhadap persekitaran sosial, impak terhadap persekitaran ekonomi dan impak terhadap persekitaran politik menunjukkan bahawa perbezaan dan pandangan yang ketara dimana responden mempunyai kebolehterimaan yang berbeza. Dalam konteks pengaruh persempadanan semula terhadap isu-isu politik pula, responden peka terhadap isu politik yang dekat dengan kehidupan mereka dan dilihat 'tidak pasti' dengan isu politik yang bersifat rumit. Justeru, dapatan dan perbincangan kajian ini adalah penting untuk dijadikan panduan oleh pihak berkenaan untuk sama ada mengekalkan sokongan ataupun mengembalikan sokongan pengundi kepada pihak berkenaan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Wong (2019) dalam penulisan buku beliau yang bertajuk 'Politik perkauman dan prospek keharmonian di Malaysia' menjelaskan bahawa dalam PRU pada 9 Mei 2018, setiap kaum di Malaysia menggulingkan Kerajaan BN termasuk di Melaka yang diketuai oleh UMNO selama 60 tahun dengan undi pada tangan sendiri. Mereka menaruh harapan kepada PH dan menggesa serta berharap Kerajaan Malaysia baharu akan berkhidmat untuk semua rakyat dan menghapuskan dasar perkauman yang tidak menguntungkan pembangunan negara. Abu Hanifah (2019) dalam bab dalam buku yang bertajuk 'Melaka: makna di sebalik kejatuhan Barisan Nasional dan Kebangkitan Pakatan Harapan' menjelaskan bahawa gelombang kebangkitan rakyat di bahagian Pantai Barat turut terkena tempias di negeri Melaka sebagaimana dua buah negeri lain iaitu Negeri Sembilan dan Johor. Buat pertama kali dalam sejarah politik Melaka bahawa parti selain BN iaitu PH berjaya membentuk Kerajaan Negeri Melaka namun dengan majoriti mudah iaitu dua kerusi DUN sahaja. Oleh itu, PH dibawah Adly Zahari sebagai Menteri Besar Melaka perlu mengelakkan sebarang konflik dalaman yang boleh meruntuhkan Kerajaan PH di negeri tersebut.

Amalina & Chan (2020) dalam analisis PRU 2018 bagi Negeri Melaka menjelaskan bahawa meskipun PH berjaya menawan Melaka daripada BN namun BN masih mengekalkan

sokongan pengundi Melayu di kawasan luar bandar yang terhad sumber maklumat politiknya di samping merupakan kawasan yang masih memerlukan bantuan parti yang kuat dari segi ekonominya seperti di Jasin dan Tangga Batu. PH hanya berjaya menawan kawasan DUN yang asalnya dimenangi BN di kawasan bandar dan pinggir bandar yang merupakan kawasan campuran etnik yang mempunyai akses maklumat politik yang tinggi serta mentaliti pengundi di kawasan tersebut yang mementingkan isu integriti dan nasional.

Metod/Data Kajian

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer ialah menggunakan pemerhatian di lapangan (data kualitatif) dan data score sheet keputusan PRU bagi Negeri Melaka (data kuantitatif). Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen PRK yang merangkumi perang poster, banner, bunting dan billboard; sesi ceramah pada waktu malam; sesi walkabout calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian.

Kaedah kuantitatif iaitu olahan data keputusan PRU-14 bagi Negeri Melaka pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU-14 di kawasan tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik. Penelitian terhadap data keputusan PRU-14 tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperolehi dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

Bagi penganalisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data keputusan PRU bagi Negeri Melaka serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

Bahagian Pilihan Raya di Melaka

Dari segi statistik pemilih atau pengundi pada pilihan raya umum (PRU) 2018 yang lalu, jumlah pengundi yang direkodkan di Melaka adalah seramai 495,645 orang. Daripada jumlah tersebut anggaran bagi jumlah pengundi Melayu ialah seramai 302,381 orang, Cina 154,793 orang, India 31,328 orang, Bumiputera Sabah 1,316 orang, Bumiputera Sarawak 1,778 orang dan Orang Asli sebanyak 786 orang dan etnik lain 3,263 orang. Negeri Melaka mempunyai 6 buah kawasan parlimen iaitu P134 Masjid Tanah, P135 Alor Gajah, P136 Tangga Batu, P137 Hang Tuah Jaya, P138 Kota Melaka dan P139 Jasin (Lihat Rajah 1).



Rajah 1: Peta Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan DUN di Negeri Melaka Bandaraya Bersejarah

Sumber: Diadaptasi daripada SPR 2018

Bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) pula, negeri Melaka mempunyai 28 buah kawasan iaitu N1 Kuala Linggi, N2 Tanjung Bidara, N3 Ayer Limau, N4 Lendu, N5 Taboh Naning, N6 Rembia, N7 Gadek, N8 Machap Jaya, N9 Durian Tunggal, N10 Asahan, N11 Sungai Udang, N12 Pantai Kundor, N13 Paya Rumput, N14 Kelebang, N15 Pengkalan Batu, N16 Ayer Keroh, N17 Bukit Katil, N18 Ayer Molek, N19 Kesidang, N20 Kota Laksamana, N21 Duyong, N22 Bandar Hilir, N23 Telok Mas, N24 Bemban, N25 Rim, N26 Serkam, N27 Merlimau dan N28 Sungai Rambai (Lihat Rajah 1).

Senario Pra PRU-14

Enam puluh tahun negeri ini ditadbir sebuah kerajaan yang bermula sebagai Perikatan, sehingga menjadi Barisan Nasional (BN), sambungan kontrak kepercayaan kepada parti itu akan disemak semula dan ditentukan oleh 494,662 pemilih dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Enam kerusi Parlimen dan 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) akan dipertandingkan selepas lima tahun BN menduduki empat kerusi Parlimen dan 21 kerusi DUN di Melaka, manakala pencabar terdekatnya iaitu DAP memiliki satu Parlimen dan enam DUN, sementara satu Parlimen dimiliki PKR dan satu DUN dipegang PAS.

Pertarungan sengit kali ini dijangka melibatkan kerusi P.137 Hang Tuah Jaya iaitu nama baharu daripada Parlimen Bukit Katil, yang bakal menyaksikan 'repeat match' antara penyandangannya, Syamsul Iskandar Akin dari PKR dan bekas menteri besar, Tan Sri Mohd Ali Rustam yang tewas mengejut pada PRU lepas. Dengan kerja keras sejak hari pertama kekalahan itu, sehingga hari terakhir kempen, dijangka Pengerusi UMNO Bukit Katil itu

mampu merampas semula kawasan Parlimen itu. Biarpun sosok Syamsul Iskandar tidak semesra dan sedekat Mohd Ali kepada rakyatnya, jangkaan itu tidak boleh disimpulkan begitu mudah kerana rata-rata rakyat turut terpengaruh dengan dakyah isu nasional seperti GST dan tuduhan korupsi kepimpinan tertinggi negara yang dicanang pembangkang.

Turut dijangka, kerusi yang menjadi tumpuan hangat adalah N.13 Paya Rumput, yang menyaksikan pertemuan buku dengan ruas antara dua sahabat. Datuk Dr. Abu Bakar Md Diah, penyandang kerusi Parlimen Tangga Batu, ditugaskan pimpinan tertinggi BN menyekat pengaruh bekas EXCO Pemuda UMNO Malaysia yang kini bersama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Rafiq Naizamohideen. Abu Bakar atau 'Prof', yang cukup disayangi rakyat Tangga Batu, menyifatkan tugasnya 'lebih mudah' apabila diturunkan ke Paya Rumput. Tetapi, gelombang perubahan pemikiran dibawa Rafiq bermula dengan membawa Tun Dr Mahathir Mohamad ke DUN itu, yang menyebabkannya digantung jawatan enam tahun dan akhirnya keluar UMNO untuk menyertai PPBM, memberi kesan kepada kepercayaan pengundi terhadap BN yang mentadbir Paya Rumput sejak sekian lama. Turut hangat diperkatakan, kebarangkalian Abu Bakar berpotensi menggantikan Idris selaku Menteri Besar, memandangkan pengaruh kuat bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar itu di DUN Paya Rumput, dengan syarat undi majoriti diperolehinya melebihi Idris.

Bagaimanapun, PAS tidak mahu terlepas daripada 'kemeriahan' perebutan itu apabila turut meletakkan calonnya untuk bertanding di Hang Tuah Jaya dan Paya Rumput, sejarah kali pertama kedua-dua Parlimen dan DUN itu menyaksikan perebutan tiga penjuror. Dr. Md Khalid Kassim yang pada PRU-13 merampas kekuasaan BN di kerusi DUN Bukit Baru (nama sekarang Bukit Katil) yang dipegang Mohd Ali selama tiga penggal, ingin bersemuka dengan veteran UMNO Melaka itu di pentas Parlimen. Sementara anak jati Paya Rumput dan seorang jurutera, Rafie Ahmad, membawa panji perjuangan PAS untuk menawan hati penduduk kawasan itu yang majoritinya (56.29 peratus) adalah Melayu. PAS berhasrat menjadi 'kingmaker' atau penentu kerajaan Melaka, sepertimana dikatakan Pesuruhjaya Negerinya, yang juga calon DUN Duyung, Kamaruddin Sedik. Mereka bertanding di lima Parlimen dan 23 DUN, dan hanya memerlukan sekurang-kurangnya dua kerusi untuk membentuk kerajaan campuran sekiranya BN dan Pakatan Harapan masing-masing memenangi 13 kerusi DUN.

Ketika Mohd Ali acap kali mengingatkan para pengundi Hang Tuah Jaya tentang apa yang telah mereka rugi dan rindu sepanjang lima tahun lalu selepas lebih mempercayai PKR, secara amnya calon-calon BN lain menekankan hal sama iaitu jangan percaya tohmahan pembangkang, ingat segala kesenangan dikecapi hari ini dan BN sahaja berkeupayaan meneruskannya. Tidak kurang juga di pihak pembangkang yang terus menerus membangkitkan rasa muak rakyat kepada 'overstay' BN di tampuk pemerintahan, dan mempengaruhi rakyat untuk menjatuhkan kerajaan yang didakwa ditadbir secara kleptokrasi dengan melakukan perubahan.

Pegangan BN terhadap Parlimen Tangga Batu juga goyah, apabila tiga daripada empat DUN dikuasai total BN, iaitu Pantai Kundur, Paya Rumput dan Kelebang, dimenangi dengan majoriti kurang 4,000 undi pada PRU lepas, kecuali di Sungai Udang, tempat tradisi parti itu yang disandang Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron dengan majoriti 9,136 undi. PRU-13 mencatatkan kemerosotan prestasi BN Melaka berbanding PRU-12 apabila hilang dua kerusi DUN, menjadikan penguasaan pembangkang bertambah kepada tujuh DUN. Jadi kali ini,

mampukah BN terus berdiri untuk mempertahankan bumi Hang Tuah daripada jatuh ke tangan pembangkang, atau terpaksa berkongsi takhta bersama PAS dan Pakatan Harapan, atau rebah sama sekali buat kali pertama dalam sejarahnya? Rakyat menentukan.

Kod 24451 bukanlah sebuah kod sulit dalam wayang gambar perisikan, sebaliknya strategi ampuh dicatur Barisan Nasional (BN) Melaka dalam usaha mendepani Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dengan fokus yang satu. Berpijak di bumi nyata, BN Melaka yang kini mendakap erat 21 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka daripada keseluruhan 28 kerusi; dan empat kerusi parlimen daripada enam kerusi keseluruhan, tidak meletak harapan menggunung merampas keseluruhan kerusi DUN serta parlimen di negeri itu. Sebaliknya, Pengerusi BN Melaka iaitu Datuk Seri Idris Haron menjelaskan pihaknya meletak kod 24451 merujuk kepada strategi mensasarkan 24 kerusi DUN dimiliki BN berbanding empat pembangkang; dan lima kerusi Parlimen digenggam BN berbanding satu pembangkang setelah selesai pertarungan PRU-14. Ketua Menteri Melaka itu berkata percaturan kod 24451 bukanlah sebuah strategi dipetik dari awangan, sebaliknya hasil perincian teliti senario politik negeri yang mengambil kira banyak sudut termasuk kekuatan BN dan kelemahan pembangkang. BN bergerak ke arah 24451 (Malaysiakini 2018).

Angka ini datang setelah mengambil kira senario politik hari ini apabila BN dengan penerajunya UMNO berada pada kedudukan kukuh apabila pembangkang yang merata, berterabur dan tidak berstruktur. Idris berkata selain itu, tindakan empat pemimpin DAP yang bertindak keluar parti dan menjadi wakil rakyat bebas pada Februari 2017 merupakan antara faktor penting yang diambil kira dalam strategi tersebut yang mana peristiwa itu menjadi tamparan hebat buat DAP serta penyokongnya. Peristiwa itu menyaksikan Anggota Parlimen Kota Melaka iaitu Sim Tong Him dan tiga ADUN iaitu Goh Leong San (Duyong), Lim Jack Wong (Bachang) serta Chin Choong Seong (Kesidang) keluar parti atas sebab hilang kepercayaan terhadap pucuk pimpinan DAP.

Sehubungan itu, Pengerusi BN Melaka iaitu Datuk Seri Idris Haron berkata menerusi strategi kod 24451, BN Melaka meletak sasaran tiga kerusi DUN pembangkang bagi melengkap angka 24, yang mana dua kerusi daripada wakil rakyat DAP keluar parti itu iaitu Duyong dan Bachang, serta Bukit Baru yang kini diwakili PAS. Ada pendapat katakan BN boleh rampas DUN Kesidang, tidak mustahil, tetapi beliau mengambil sikap konservatif iaitu sedikit merendah diri, tidak mengapa kita letak 24451, beliau letak sasaran ini adalah supaya jentera memahami ini adalah wawasan peringkat negeri. Beliau memberikan contoh, DUN Bukit Baru, BN tewas tipis kepada PAS dengan 48 undi sahaja justeru jentera parti hanya perlu mencari lebih daripada 48 pengundi seterusnya meyakinkan mereka mengundi BN pada PRU-14. Di DUN Duyong BN tewas kepada DAP hanya dengan 205 undi manakala di DUN Bachang, BN tewas 2,672 undi kepada DAP.

Bagi parlimen, BN Melaka membulatkan tekad merampas kembali Parlimen Bukit Katil apabila Tan Sri Mohd Ali Rustam tewas majoriti 5,447 undi kepada Shamsul Iskandar Mohd Akin daripada PKR pada PRU lepas dan usaha itu dilihat mampu direalisasikan antara lain disebabkan kegagalan pembangkang membela nasib rakyat di kawasan itu. Idris berkata walaupun kalah di kawasan itu pada PRU yang lepas, Mohd Ali tetap meneruskan usaha membela rakyat di kawasan kelahirannya itu berbanding Shamsul Iskandar yang hanya tahu bercakap di Parlimen semata-mata. Rakyat cukup kecewa dengan Anggota Parlimen Bukit Katil daripada PKR, hampir lima tahun rakyat tidak nampak kelibatnya tiba-tiba bila tiba pilihan raya ini beliau muncul balik seolah-olah beliau yang paling kuat buat bekerja di

bawah sana. Beliau berkata merealisasikan strategi kod 24451 bukanlah sesuatu yang mudah, sebaliknya memerlukan penelitian dan kaedah kerja tepat antaranya penyasaran mikro pengundi di setiap kawasan Pusat Daerah Mengundi (PDM) yang terlibat.

Jentera parti peringkat kawasan mereka perlu ada peranan dan tanggungjawab dan fungsi masing-masing untuk bekerja dan merampas kembali kerusi terlepas ke tangan pembangkang. Gaya keputusan undi peringkat PDM itu boleh beritahu ada atau tidak unsur sabotaj, dengki atau kempen negatif tentang parti. Sehubungan itu, Idris mengingatkan semua anggota parti bahawa BN tidak akan bertolak ansur terhadap anggota parti yang hipokrit dan menentang parti, malah pada hari pencalonan PRU-14 kelak semua anggota perlu mengenyepikan segala perbezaan dan fokus bekerja memenangkan calon BN.

Diminta mengulas mengenai kesan pertarungan tiga atau lebih penjuror terhadap strategi kod 24451 itu, beliau menerangkan situasi itu sebenarnya memberikan kelebihan buat BN disebabkan cacamarba yang dialami blok pembangkang. Beliau memberikan contoh DUN Bukit Baru yang mana penyandanginya blok pembangkang iaitu PAS, namun Pertubuhan Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mengumumkan akan bertanding, tetapi dalam masa sama bila adanya PAS bertanding Amanah 'berikrar' akan bertanding di kawasan itu. Blok pembangkang sudah ada tiga calon, sebaliknya BN hanya satu calon, tidak kurang 15 kawasan yang akan ada pertandingan lebih daripada satu lawan satu. Ini memberikan kelebihan kepada BN nanti. Idris ditanya adakah beliau bersedia untuk kembali bertanding di kerusi parlimen pada PRU-14, yang mana beliau menjawab dua perkara yang tidak diketahuinya ialah bila PRU-14 akan diadakan dan siapa yang akan dipilih menjadi calon. Beliau berpengalaman bertanding di parlimen dan DUN, jika bertanding parlimen ada kesannya (tugas) ketua menteri tidak dapat teruskan lagi kecuali jika saya bertanding di parlimen dan DUN. Beliau serahkan kepada kepimpinan parti. Setakat ini beliau komited menjadi panglima perang PRU-14 buat jentera BN Melaka. Mengenai persempadanan semula, beliau yakin Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai mekanisma menentukan persempadanan bagi kelicinan pilihan raya, namun beliau berpendapat Melaka sebenarnya memerlukan 10 parlimen dan 40 DUN bagi mencapai hasrat itu (Malaysiakini 2018).

Penamaan Calon PRU-14

PRU-14 menyaksikan sebanyak 6 kerusi Parlimen dan 28 kerusi DUN dipertandingkan bagi negeri Melaka. Seramai 103 orang telah dicalonkan untuk bertanding di dalam PRU tersebut, di mana seramai 18 calon telah bertanding merebut enam kerusi Parlimen dan 85 calon pula bertanding merebut 28 kerusi DUN.

Secara keseluruhannya, seramai 18 calon bertanding bagi merebut kerusi Parlimen negeri Melaka pada PRU-14. Kedua BN dan PKR (PH) telah meletakkan enam calon untuk bertanding merebut enam kerusi Parlimen Melaka, manakala PAS meletakkan lima calon dan terdapat seorang calon Bebas. Setiap kerusi Parlimen menyaksikan pertarungan tiga penjuror di antara BN, PKR dan PAS kecuali kerusi Parlimen P.138-Kota Melaka di mana PAS tidak bertanding tetapi terdapat seorang calon Bebas (Jadual 1). Dari segi pembahagian kerusi berdasarkan parti politik, UMNO telah meletakkan empat calon, dua calon dari MCA, dua calon dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), seorang calon AMANAH, seorang calon DAP, lima calon dari PAS dan seorang calon Bebas.

Jadual 1: Calon yang Bertanding di Kawasan Parlimen negeri Melaka pada PRU-14

| Parlimen | BN | PKR (PH) | PAS | BEBAS |
|------------------------------|-------------------------------------|---------------------------------|-------------------------------|---------------|
| P.134 Masjid Tanah | Mas Ermieyati | Datuk Dr. Sabirin Bin Ja'afar | Ustaz Nasir Othman | - |
| P.135 Alor Gajah | Wong Nai Chee | Mohd Redzuan Yusof (Pakwan) | Nazree Aris | - |
| P.136 Tangga Batu | Datuk Zali Mat Yasin | Dr. Rusnah Aluai | Tuan Guru Ust Zulkifli Ismail | - |
| P.137- Hang Tuah Jaya | Tan Sri Hj Mohd Ali Bin Mohd Rustam | Shamsul Iskandar Haji Mohd Akin | Dr. Khalid Kassim | - |
| P.138- Kota Melaka | Eric Choo Wei Sern | Khoo Poay Tiong | - | Goh Leong San |
| P.139 Jasin | Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah | Khairuddin Abu Hassan | Abd. Alim Shapie | - |

Sumber: SPR 2018

Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka menawarkan 28 buah kerusi DUN. Parti politik komponen BN yang menamakan paling ramai calon untuk bertanding di kerusi DUN Melaka adalah UMNO dengan 18 kerusi, diikuti 8 kerusi untuk MCA dan 1 kerusi masing-masing untuk MIC dan Gerakan, manakala parti komponen PKR (PH) pula PKR dan DAP masing-masing menamakan 8 calon, diikuti Pribumi dan Amanah masing-masing dengan 6 calon. Selain itu, parti PAS telah bertanding untuk 24 buah kerusi DUN. Calon dari Bebas pula bertanding bagi 5 kerusi DUN Melaka (Lihat Jadual 2).

Jadual 2: Calon yang Bertanding di Kawasan DUN Melaka pada PRU-14

| DUN | BN | PKR (PH) | PAS | BEBAS |
|---------------------------|------------------------|---------------------------------------|-------------------------|--------------|
| N01 Kuala Linggi | Haji Ismail Bin Othman | Hasmorni Binti Tamby | Hj. Azmi Bin Hj. Sambul | - |
| N02 Tanjung Bidara | Hj Md Rawi Bin Mahmud | Halim Bachik | Ustaz Imran | - |
| N03 Ayer Limau | Amirudin Bin Yusof | Datuk Seri Haji Ruslin Bin Haji Hasan | Jamarudin Ahmad | - |
| N04 Lendu | Sulaiman Bin Md Ali | Ir. Ridhuan Dion Bakar | Cikgu Arshad | - |
| N05 Taboh Naning | Latipah Binti Omar | Zairi Suboh | Asri Shaik Abdul Aziz | - |
| N06 Rembia | Norpipah Binti Abdol | Muhammad Jailani Bin Khamis | Rashidi Razak | - |
| N07 Gadek | Panirchelvam A/L | G. Saminathan | Emransyah Bin | - |

| | | | | |
|---------------------------|---|---------------------------------|---------------------------|---|
| | Pichamuthu | | Ismail | |
| N08 Machap Jaya | Koh Nai Kwong | Ginie Lim | Ustaz Wan Zahidi | - |
| N09 Durian Tunggal | Ab Wahab Bin Ab Latip | Sofi Wahab | Hj. Mohsin Ibrahim | - |
| N10 Asahan | Abdul Ghafar Bin Atan | Zamzuri Arifin | Hj. Azlan Bin Maddin | - |
| N11 Sungai Udang | Datuk Seri Ir. Idris Haron | Mohd Lokman Abdul Gani | | - |
| N12 Pantai Kundur | Datuk Nor Azman Hassan | Juhari Osman | Ust Hj Abdul Halim Maidin | - |
| N13 Paya Rumpit | Datuk Wira Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah | Mohd Rafiq Naizamohideen | Rafie Ahmad | - |
| N14 Kelebang | Datuk Lim Ban Hong | Gue Teck | Mohd Shafiq Ismail | - |
| N15 Pengkalan Batu | Chua Lian Chye | Norhizam Bin Hassan Baktee | Ramli Bin Dalip | - |
| N16 Ayer Keroh | Datuk Chua Kheng Hwa | Kerk Chee Yee | Sepri Bin Rahman | - |
| N17 Bukit Katil | Yunus Bin Hitam | Haji Adly Bin Zahari | Muhamat Puhat Bin Bedol | - |
| N18 Ayer Molek | Rahmad Bin Mariman | Farhan Ibrahim | Jantan Bin Abdullah | Profesor Madya Dr. Kamarolzaman Bin Mohd Jidi |
| N19 Kesidang | Ng Choon Koon | Seah Shoo Chin (Allex Seah) | - | Goh Leong San |
| N20 Kota Laksamana | Melvin Chua Kew Wei | Low Chee Leong | - | Sim Tong Him |
| N21 Duyong | Lee Kiat Lee | Damian Baba Yeo | Ustaz Kamarudin | Lim Jak Wong |
| N22 Bandar Hilir | Lee Chong Leng, Shaun | Tey Kok Kiew | - | Chin Choong Seong |
| N23 Telok Mas | Datuk Abdul Razak Bin Abdul Rahman | Fendi Ahmad | Ust Rosazli Md Yasin | - |
| N24 Bemban | Datuk Koh Chin Han | Dr. Wong Fort Pin | Suhaimi Harun | - |
| N25 Rim | Datuk Wira Hj. Ghazale Bin Muhamad | Shamsul Iskandar Haji Mohd Akin | Hjh. Kintan Binti Man | - |
| N26 Serkam | Datuk Zaidi Bin Attan | Ustaz Nor Khairi | Hj. Ahmad Bilal | - |
| N27 Merlimau | Datuk Roslan Bin Ahmad | Haji Yuhaizad Abdullah | Abdul Malek Bin Yusof | - |
| N28 Sungai | Hasan Bin Abd | Azalina Abdul | Zakariya Bin | - |

| | | | | |
|--------|--------|--------|--------|--|
| Rambai | Rahman | Rahman | Kasnin | |
|--------|--------|--------|--------|--|

Sumber: SPR 2018

Manifesto

Manifesto BN Melaka bagi PRU-14 yang telah dilancarkan sebelum ini menggariskan lima teras dengan 62 inisiatif, yang memberi keutamaan kepada semua golongan masyarakat di negeri ini. Lima teras manifesto bertemakan ‘Bersama Mencipta Kegemilangan’ ialah membela rakyat, alam sekitar terpelihara, ekonomi yang makmur, teknologi untuk semua dan tadbir urus memudahkan rakyat. Manifesto berkenaan turut memberi lima tumpuan khusus sebagai teras iaitu mengangkat belia, wanita, orang kurang upaya (OKU), warga emas dan masyarakat Orang Asli.

Inisiatif terbaru termasuk menyenaraikan satu janji untuk rakyat Melaka iaitu pembinaan lebuhraya pesisir pantai merentasi Kuala Linggi, Masjid Tanah dan Telok Mas seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi BN sebelum ini. Aku janji yang dibuat BN Melaka menerusi 62 inisiatif terbaru itu adalah rentetan kejayaan kerajaan negeri menterjemahkan 100 peratus aku janji yang berjaya direalisasikan kepada rakyat pada PRU-13. Tawaran baharu termasuk menaik taraf Hospital Melaka, membina mini Institut Jantung Negara, pembinaan sebuah insinerator, membina projek tebatan banjir dan menambah bas elektrik. Menambah institusi pengajian tinggi, menambah bilangan laluan jejambat di Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ), memanjangkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) di Batu Berendam. Melaka turut terkena tempas sebaik siapnya projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) yang menghubungkan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan Melaka, Johor dan Singapura.

Manifesto BN Melaka yang dilancarkan juga menumpukan perancangan pembangunan jangka panjang untuk rakyat. Manifesto itu turut memuatkan kejayaan Melaka dalam menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) terbaik di negara ini, di samping beberapa pencapaian membabitkan kepentingan rakyat. BN negeri berjaya menepati semua yang dimanifestasikan pada PRU-13 dan kini menyediakan manifesto baharu yang akan dilaksanakan jika BN terus mendapat mandat menerajui negeri dan negara. BN juga sudah melaksanakan aku janji PRU-13 sebanyak 100 peratus berdasarkan pencapaian negeri maju, keseimbangan pembangunan bandar dan luar bandar serta pengekalan kelestarian alam sekitar sepanjang tempoh penggal 2013-2018.

BN Melaka membentangkan 62 inisiatif demi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan kita akan beri tumpuan semua golongan, termasuk orang kurang upaya (OKU), wanita, penjawat awam dan mereka yang bersama membangunkan negeri seterusnya negara. BN juga akan memastikan tiada golongan yang ketinggalan dalam janji dan harapan yang dibuat BN kepada rakyat. Melaka turut dimasukkan ke dalam manifesto BN peringkat nasional bagi merealisasikan pembinaan lebuhraya baharu Kuala Linggi-Masjid Tanah-Klebang-Telok Mas, selain pembinaan sebuah insinerator di pusat pelupusan sampah Sungai Udang (BH Online 2018a).

Pakatan Harapan (PH) mempunyai 85 janji manifesto untuk dilaksanakan jika diberi peluang untuk mengambil alih pentadbiran negeri ini. Janji-janji yang ditawarkan adalah menerusi pelbagai program pelaksanaan, penambahbaikan polisi kerajaan, kebajikan, pendidikan, keselamatan negeri, selain pelbagai inisiatif baharu akan diperkenalkan bagi memenuhi kehendak serta keperluan rakyat. Janji yang digariskan dalam tempoh lima tahun itu termasuk

juga meningkatkan ekonomi negeri dan mengurangkan hutang yang ditanggung Melaka. Manifesto ini juga dapat memberi keyakinan bahawa PH berada di landasan betul untuk meletakkan Melaka kembali sebagai negeri tersohor bukan sahaja di Malaysia tapi juga di rantau ini. Adly yang juga Pengerusi PH negeri memberi keyakinan PH mempunyai peluang besar untuk mencapai kesemua janji manifesto. Bagaimanapun menurutnya, pencapaian itu tidak akan terlaksana tanpa sokongan kuat jentera kerajaan yang terdiri dalam kalangan penjawat awam negeri ini di semua peringkat. PH juga akan memberi keutamaan kepada kepentingan rakyat, terutama masalah lapuk melebihi 10 tahun yang masih belum diselesaikan oleh kerajaan terdahulu.

PH juga akan mengumumkan satu enakmen supaya tempoh jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada dua penggal dan perkara itu akan dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN). Langkah itu adalah bagi mengurangkan risiko krisis pengurusan serta salah guna kuasa oleh Ketua Eksekutif kerajaan negeri. Antara intipati janji/manifesto PH Melaka yang lain termasuklah tanah kediaman milik orang Melayu yang berstatus pajakan dibenar untuk ditukar kepada Tanah Adat Melaka (MCL) dengan bayaran nominal RM1,000, selain menetapkan semua operasi pengeluaran hasil hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) dihentikan sementara waktu bagi membolehkan ia dikaji semula dalam usaha memulihara kualiti dan kelestarian alam sekitar. Intipati manifesto yang lain ialah memansuhkan bayaran meletak kenderaan di seluruh negeri pada setiap Sabtu dan Ahad, mewujudkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Selain itu, semua Ahli Majlis yang dilantik oleh kerajaan negeri tidak lagi mempunyai kuasa dalam Jawatankuasa Perolehan dan Tender bagi mengelakan amalan kronisme dan menjamin ketelusan proses pemerolehan tender. Demi kelestarian alam semula jadi, projek tambak laut berhampiran Pulau Upeh akan dihentikan bagi memulihara pulau ini sebagai pusat pendaratan dan penetasan penyuhkar. Seterusnya ialah tempoh pajakan tanah 'Land Inventory System' (LIS) disambung sehingga tempoh 99 tahun bagi memudah dan melancarkan pembangunan negeri. Berikutnya, Menteri Besar bersama EXCO dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PH akan mengisytiharkan harta secara berperingkat dalam tempoh sebulan. Turut akan dilaksanakan, melaksanakan projek tebatan banjir serta mewujudkan sebuah Majlis Penasihat Bandar Pintar (Smart City) sebagai satu daripada usaha untuk menjadikan Bandaraya Melaka sebagai Bandar Pintar menjelang 2030.

PAS Melaka pula melancarkan manifesto bertemakan 'Melaka Sejahtera' yang mengandungi 11 agenda teras, khusus untuk rakyat negeri itu. Antara 11 teras yang ditawarkan termasuk urus tadbir negeri yang baik dan bersih, pemilikan rumah dan tanah, perkhidmatan awam yang efektif, kelestarian alam sekitar, ekonomi sejahtera rakyat, pendidikan untuk semua, perpaduan dan keselamatan komuniti, maju bersama islam dan pembangunan yang mampan. Selain itu, belia sebagai penggerak ummah dan wanita dan keluarga sebagai teras juga tersenarai dalam agenda yang ditawarkan.

Keputusan PRU 2018 di Melaka

Negeri Melaka mempunyai enam buah kawasan Parlimen iaitu Masjid Tanah (P.134), Alor Gajah (P.135), Tangga Batu (P.136), Hang Tuah Jaya (P.137), Kota Melaka (P.138) dan Jasin (P.139). Pada PRU-14, seramai 18 calon yang terdiri daripada PKR, BN, PAS dan Bebas telah bertanding merebut enam buah kerusi Parlimen di Melaka. Secara keseluruhannya, calon PH telah memenangi majoriti kerusi Parlimen negeri Melaka iaitu sebanyak empat kerusi dan selebih dua lagi kerusi dimenangi oleh calon BN. Keadaan ini adalah bertentangan

dengan keputusan yang dicapai oleh BN pada PRU-13 di mana BN memenangi empat buah kerusi dan DAP serta PKR masing-masing memenangi satu kerusi (Lihat Jadual 3).


Jadual 3: Keputusan PRU 2013 dan 2018 bagi Kawasan Parlimen Negeri Melaka

| Parlimen | PRU 13 | | | PRU 14 | | |
|---------------------------|---|-----------|---------------------------|--|-----------|----------|
| | Nama calon | Bil. Undi | Majoriti | Nama calon | Bil. Undi | Majoriti |
| P.134 Masjid Tanah | Mas Ermieyati Binti Samsudin (BN) | 27,688 | 16,200 | Datuk Dr. Sabirin Bin Ja'afar (PKR) | 14,739 | 8,159 |
| | Mohd Nasaie Bin Ismail (PAS) | 11,488 | | Ustaz Nasir Othman (PAS) | 4,688 | |
| | | | | Mas Ermieyati (BN) | 22,898 | |
| P.135 Alor Gajah | Damian Yeo Shen Li (DAP) | 20,997 | 11,597 | Nazree Aris (PAS) | 6,135 | 6,980 |
| | Koh Nai Kwong (BN) | 32,594 | | Mohd Redzuan Yusof (Pak Wan) (PKR) | 29,330 | |
| | | | | Wong Nai Chee (BN) | 22,350 | |
| P.136 Tangga Batu | Abu Bakar Bin Mohamad Diah (BN) | 39,468 | 15,633 | Dr. Rusnah Aluai (PKR) | 32,420 | 4,659 |
| | Rahim Bin Ali (PKR) | 23,835 | | Datuk Zali Mat Yasin (BN) | 27,761 | |
| | | | | Tuan Guru Ust Zulkifli Ismail (PAS) | 8,961 | |
| P.137- Bukit Katil | Shamsul Iskandar (PKR) | 46,176 | 5,447 | P.137 Hang Tuah Jaya | | 8,640 |
| | Haji Mohd Ali Haji Mohd Rustam (BN) | 40,720 | | Shamsul Iskandar Haji Mohd Akin (PKR) | 39,067 | |
| | | | | | 30,427 | |
| | | | | Tan Sri Hj Mohd Ali Bin Mohd Rustam (BN) | 7089 | |
| | | | Dr Khalid Kassim (PAS) | | | |

| | | | | | | |
|-----------------------------------|---------------------------|--------|--------|---|-------|--------|
| P.138- Kota Melaka | Sim Tong Him (DAP) | 49,521 | 20,746 | Eric Choo Wei Sern (BN) | 27343 | 49,175 |
| | Yee Kok Wah (BN) | 28,775 | | Khoo Poay Tiong (PKR) | 76518 | |
| | | | | Goh Leong San (Bebas-Kunci) | 1415 | |
| P.139 Jasin | Rahmat Bin Yusof (PKR) | 21,973 | 11,763 | Khairuddin Abu Hassan (PKR) | 26341 | 219 |
| | Ahmad Bin Hamzah (BN) | 33,736 | | Abd. Alim Shapie (PAS) | 8860 | |
| | | | | Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah (BN) | 26560 | |

Sumber: Diadaptasi daripada SPR 2013 dan 2018

Pada PRU-14, kerusi Parlimen yang dimenangi oleh calon PH adalah Alor Gajah, Tangga Batu, Bukit Katil dan Kota Melaka, manakala kerusi Parlimen Masjid Tanah dan Jasin dimenangi oleh calon BN.



Rajah 2: Peta taburan geografi keputusan PRU 2018 bagi kawasan Parlimen di Negeri Melaka

Sumber: Diadaptasi daripada SPR 2018

Jadual 4 menunjukkan calon dan keputusan PRU-14 bagi negeri Melaka. Calon UMNO, Mas Ermieyati Samsudin (BN) telah mempertahankan penguasaan BN di Parlimen Masjid Tanah, yang turut dimenangi oleh beliau pada PRU-13, menerusi kemenangan ke atas Datuk Dr. Sabirin Bin Jaafar (PKR) dan Ustaz Nasir Othman (PAS) dengan majoriti 8,159 undi (Lihat Rajah 2).

Parlimen Alor Gajah dimenangi oleh Mohd Redzuan Yusof dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), mewakili PH dengan majoriti 6,980 undi. Beliau mengalahkan calon dari PAS dan BN (MCA). Kemenangan tersebut melihat PH telah berjaya merampas kerusi Alor Gajah yang dimenangi BN (MCA) pada PRU-13. Sementara di Parlimen Tangga Batu, calon PKR iaitu Dr. Rusnah Aluai telah mengalahkan calon UMNO (BN) dan PAS dengan majoriti 4,659 undi, sekali gus merampas kerusi parlimen tersebut dari BN. Kerusi Parlimen Hang Tuah Jaya (P.137), yang dikenali sebagai Parlimen Bukit Katil pada PRU-13 memlihtakan calon PKR (PH) iaitu Shamsul Iskandar Hj. Mohd Akin mempertahankan kerusi yang dimenanginya pada PRU-13 dengan menewaskan calon UMNO (BN) dan PAS dengan majoriti 8,640 undi, manakala kerusi Parlimen Kota Melaka menyaksikan pertandingan di antara 3 orang calon yang mewakili BN (MCA), PH (DAP) dan Bebas. Kerusi Kota Melaka tersebut dimenangi oleh Khoo Poay Tiong dengan majoriti 49,175 undi iaitu majoriti undi terbesar di negeri Melaka. Akhir sekali, kerusi Parlimen Jasin menyaksi pertandingan tiga penjuru di antara calon PKR, UMNO dan PAS. Pertarungan sengit berlaku di antara calon PKR dan UMNO (BN) dan dimenangi oleh Datuk Seri Haji Ahmad Hamzah mewakili BN dengan majoriti tipis 219 undi.

Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka menawarkan 28 buah kerusi DUN. Keputusan PRU-14 melihat calon BN hanya memenangi 13 buah kerusi DUN berbanding 21 kerusi pada PRU-13. Manakala selebih 15 buah kerusi pula jatuh kepada calon PH iaitu tambahan 7 buah kerusi berbanding PRU-13. Bagi kerusi DUN pula, BN hanya menang 13 kerusi, berbanding 21 kerusi pada PRU-13 dan tujuh kerusi DUN yang jatuh kepada Pakatan Harapan adalah Rembia, Gadek, Machap Jaya, Durian Tunggal, Paya Rumput, Kelebang dan Telok Mas (Lihat Jadual 4 dan Rajah 3).

Jadual 4: Keputusan PRU 2013 dan PRU 2018 bagi DUN Melaka

| DUN | PRU 13 | | | PRU 14 | | |
|---------------------------|------------------------------|-----------|----------|-------------------------------|-----------|----------|
| | Nama calon | Bil. Undi | Majoriti | Nama calon | Bil. Undi | Majoriti |
| N01 Kuala Linggi | Ismail Bin Othman (BN) | 5,521 | 2,431 | Haji Ismail Bin Othman (BN) | 4,812 | 1,372 |
| | Julasapiyah Bin Kassim (PAS) | 3,090 | | Hasmorni Binti Tamby (PKR) | 3,440 | |
| | | | | Hj. Azmi Bin Hj. Sambul (PAS) | 941 | |
| N02 Tanjung Bidara | Md Rawi Bin Mahmud (BN) | 6,014 | 4,240 | Hj Md Rawi Bin Mahmud (BN) | 4,865 | 2,864 |
| | Imran Bin Abdul Rahman (PAS) | 1,774 | | Ustaz Imran (PAS) | 1,501 | |
| | | | | Halim Bachik | 2,001 | |

| | | | | (PKR) | | |
|-------------------------|-----------------------------------|-------|-------|---|-------|-------|
| N03 Ayer Limau | Haji Amirudin Bin Haji Yusof (BN) | 6,552 | 4,569 | Amirudin Bin Yusof (BN) | 4,704 | 1,479 |
| | Halim Bin Bachik (PKR) | 1,983 | | Jamarudin Ahmad (PAS) | 1,187 | |
| | | | | Datuk Seri Haji Ruslin Bin Haji Hasan (PKR) | 3,225 | |
| N04 Lendu | Sulaiman Bin Md Ali (BN) | 5,009 | 2,503 | Ir. Ridhuan Dion Bakar (PKR) | 3,389 | 627 |
| | Asri Bin Shaik Abdul Aziz (PAS) | 2,506 | | Cikgu Arshad (PAS) | 1,163 | |
| | | | | Sulaiman Bin Md Ali (BN) | 4,016 | |
| N05 Taboh Naning | Ab Halim Bin Ab Jalil (PAS) | 2,165 | 2,355 | Asri Shaik Abdul Aziz (PAS) | 1,111 | 740 |
| | Latipah Binti Omar (BN) | 4,520 | | Zairi Suboh (PKR) | 2,589 | |
| | | | | Latipah Binti Omar (BN) | 3,329 | |
| N06 Rembia | Norpipah Binti Abdol (BN) | 6,879 | 2,358 | Muhammad Jailani Bin Khamis (PKR) | 6,773 | 1,814 |
| | Rusnah Binti Aluai (PKR) | 4,521 | | Norpipah Binti Abdol (BN) | 4,959 | |
| | | | | Rashidi Razak (PAS) | 1,200 | |
| N07 Gadek | Abdullah Sani Bin Rejab (Bebas) | 692 | 2,630 | Panirchelvam A/L Pichamuthu (BN) | 4,085 | 307 |
| | M.S. Mahadevan A/L Sanacy (BN) | 5,975 | | Emransyah Bin Ismail (PAS) | 1,865 | |
| | Rajandran A/L Govindasamy (PKR) | 3,345 | | G. Saminathan (PKR) | 4,392 | |
| N08 Machap | Lai Meng Chong (BN) | 5,003 | 152 | N08 Machap Jaya Koh Nai Kwong (BN) | 4214 | 1,336 |
| | Ginie Lim Siew Lin (PKR) | 4,851 | | Ginie Lim (PKR) | 5,550 | |


| | | | | | | |
|---------------------------|--|--------|-------|--|--------|-------|
| | Ravinther A/L Sekaran (Kita) | 61 | | Ustaz Wan Zahidi (PAS) | 775 | |
| N09 Durian Tunggal | Ab Wahab Bin Ab Latip (BN) | 5,645 | 1,316 | Hj. Mohsin Ibrahim (PAS) | 1,391 | 763 |
| | Adly Bin Zahari (PAS) | 4,329 | | Sofi Wahab (PKR) | 5,213 | |
| | | | | Ab Wahab Bin Ab Latip (BN) | 4,450 | |
| N10 Asahan | Abdul Ghafar Bin Atan (BN) | 8,257 | 3,857 | Abdul Ghafar Bin Atan (BN) | 5,942 | 275 |
| | Wong Chee Chew (PAS) | 4,400 | | Zamzuri Arifin (PKR) | 5,667 | |
| | | | | Hj. Azlan Bin Maddin (PAS) | 1,365 | |
| N11 Sungai Udang | Asri Bin Buang (PKR) | 3,009 | 9,136 | Datuk Seri Ir. Idris Haron (BN) | 10,073 | 2,229 |
| | Idris Bin Haron (BN) | 12,145 | | Mohd Lokman Abdul Gani (PKR) | 7,844 | |
| N12 Pantai Kundur | Mohd Noor Bin Omar (PAS) | 4,037 | 3,064 | Datuk Nor Azman Hassan (BN) | 5,773 | 772 |
| | Ab Rahaman Bin Ab Karim (BN) | 7,101 | | Ust Hj Abdul Halim Maidin (PAS) | 1,936 | |
| | | | | Juhari Osman (PKR) | 5,001 | |
| N13 Paya Rumput | Sazali Bin Muhd Din @ Muhamad Din (BN) | 11,003 | 1,270 | Rafie Ahmad (PAS) | 1,552 | 4,259 |
| | Taha Bin Ahmad (PKR) | 9,733 | | Datuk Wira Dr. Abu Bakar Bin Mohamad Diah (BN) | 7,843 | |
| | | | | Mohd Rafiq Naizamohideen (PKR) | 12,102 | |
| N14 Kelebang | Liou Chen Kuang (DAP) | 7,074 | 2,097 | Mohd Shafiq Ismail (PAS) | 2,272 | 789 |
| | Lim Ban Hong (BN) | 9,171 | | Gue Teck (PKR) | 7,648 | |
| | | | | Datuk Lim Ban | | |

| | | | | | | |
|-----------------------|------------------------------|--------|-------|--|--------|--------|
| | | | | Hong (BN) | 6,859 | |
| N15 Bachang | Chua Lian Chye (BN) | 11,016 | 2,672 | N15 Pengkalan Batu | | 2,756 |
| | Lim Jak Wong (DAP) | 13,688 | | Norhizam Bin Hassan Baktee (PKR) | 9,227 | |
| | | | | Chua Lian Chye (BN) | 6,471 | |
| | | | | Ramli Bin Dalip (PAS) | 2,230 | |
| N16 Ayer Keroh | Khoo Poay Tiong (DAP) | 18,934 | 7,943 | Sepri Bin Rahman (PAS) | 2,567 | 9,261 |
| | Yong Fun Juan (BN) | 10,991 | | Datuk Chua Kheng Hwa (BN) | 5,018 | |
| | | | | Kerk Chee Yee (PKR) | 14,279 | |
| N17 Bukit Baru | Md Khalid Bin Kassim (PAS) | 9,292 | 48 | N17 Bukit Katil | | 3,159 |
| | Karim Bin Yaacob (BN) | 9,244 | | Yunus Bin Hitam (BN) | 8,067 | |
| | | | | Haji Adly Bin Zahari (PKR) | 11,226 | |
| | | | | Muhamat Puhat Bin Bedol (PAS) | 2,237 | |
| N18 Ayer Molek | Md Khairi Bin Abd Aziz (PAS) | 4,995 | 3,761 | Jantan Bin Abdullah (PAS) | 3,082 | 1,805 |
| | Md. Yunos Bin Husin (BN) | 8,756 | | Farhan Ibrahim (PKR) | 5,146 | |
| | | | | Rahmad Bin Mariman (BN) | 6,951 | |
| | | | | Profesor Madya Dr. Kamarolzaman Bin Mohd Jidi (Bebas - Buku) | 79 | |
| N19 Kesidang | Lim Eng Teck (BN) | 5,625 | 3,818 | Goh Leong San (Bebas - Kunci) | 349 | 14,612 |
| | Chin Choong Seong (DAP) | 9,443 | | Ng Choon Koon (BN) | 8,268 | |
| | | | | Seah Shoo Chin | 22,880 | |

| | | | | | | |
|---------------------------|--------------------------------|--------|-------|---|--------|--------|
| | | | | (Allex Seah) (PKR) | | |
| N20 Kota Laksamana | Chiw Tiang Chai (BN) | 3,462 | 8,507 | Low Chee Leong (PKR) | 20,181 | 16,173 |
| | Lai Keun Ban (DAP) | 11,969 | | Melvin Chua Kew Wei (BN) | 4,008 | |
| | Sim Tong Him (Bebas) | 1,242 | | Sim Tong Him (Bebas - Kunci) | 517 | |
| N21 Duyong | Gan Tian Loo (BN) | 7,792 | 205 | Lee Kiat Lee (BN) | 4,747 | 2,895 |
| | Goh Leong San (DAP) | 7,997 | | Lim Jak Wong (Bebas - Kunci) | 62 | |
| | | | | Ustaz Kamarudin (PAS) | 2,938 | |
| | | | | Damian Baba Yeo (PKR) | 7,642 | |
| N22 Bandar Hilir | Tey Kok Kiew (DAP) | 11,754 | 7,952 | Chin Choong Seong (Bebas - Kunci) | 141 | 11,313 |
| | Ronald Gan Yong Hoe (BN) | 3,802 | | Lee Chong Leng, Shaun (BN) | 2,725 | |
| | | | | Tey Kok Kiew (PKR) | 14,038 | |
| N23 Telok Mas | Harun Bin Mohamed (PAS) | 7,332 | 701 | Datuk Abdul Razak Bin Abdul Rahman (BN) | 6,406 | 1,288 |
| | Latiff Bin Tamby Chik (BN) | 8,033 | | Fendi Ahmad (PKR) | 7,694 | |
| | | | | Ust Rosazli Md Yasin (PAS) | 3,164 | |
| N24 Bemban | Ng Choon Koon (BN) | 7,731 | 2,028 | Dr. Wong Fort Pin (PKR) | 6,998 | 1,345 |
| | Gandhi Rajan A/L Nalliah (DAP) | 5,703 | | Datuk Koh Chin Han (BN) | 5,653 | |
| | | | | Suhaimi Harun (PAS) | 2,762 | |
| N25 Rim | Azmi Bin Kamis (PKR) | 3,700 | 1,121 | Hjh. Kintan Binti Man (PAS) | 1,262 | 536 |

| | | | | | | |
|--------------------------|-----------------------------|-------|-------|---|-------|-------|
| | Ghazale Bin Muhamad (BN) | 4,821 | | Datuk Wira Hj. Ghazale Bin Muhamad (BN) | 5,301 | |
| | | | | Shamsul Iskandar Haji Mohd Akin (PKR) | 4,765 | |
| N26 Serkam | Zaidi Bin Attan (BN) | 8,715 | 3,600 | Hj. Ahmad Bilal (PAS) | 3,423 | 2,737 |
| | Kamarudin Bin Sedik (PAS) | 5,115 | | Datuk Zaidi Bin Attan (BN) | 6,401 | |
| | | | | Ustaz Nor Khairi (PKR) | 3,664 | |
| N27 Merlimau | Roslan Bin Ahmad (BN) | 6,736 | 2,589 | Datuk Roslan Bin Ahmad (BN) | 5,290 | 130 |
| | Yuhaizad Bin Abdullah (PAS) | 4,147 | | Haji Yuhaizad Abdullah (PKR) | 5,160 | |
| | | | | Abdul Malek Bin Yusof (PAS) | 1,208 | |
| N28 Sungai Rambai | Hasan Bin Abd Rahman (BN) | 5,709 | 2,363 | Azalina Abdul Rahman (PKR) | 3,419 | 1,669 |
| | Kintan Binti Man (PAS) | 3,346 | | Hasan Bin Abd Rahman (BN) | 5,088 | |
| | | | | Zakariya Bin Kasnin (PAS) | 1,405 | |

Sumber: Diadaptasi daripada SPR 2013 dan 2018



Rajah 3: Peta taburan geografi keputusan PRU 2018 bagi kawasan DUN di Negeri Melaka

Sumber: Diadaptasi daripada SPR 2018

Faktor Sokongan kepada Parti Politik di Melaka

Percaturan formula '24451' Barisan Nasional (BN) Melaka gagal diterjemahkan dalam bentuk undi apabila tewas kepada Pakatan Harapan (PH) diterajui PKR pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) kali ini. Sasaran awal bekas Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron mahu menawan 24 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan lima kerusi Parlimen tersasar selepas sekadar menang 13 kerusi DUN dan dua Parlimen iaitu di Masjid Tanah dan Jasin. Kebangkitan suara rakyat yang melanda seluruh negara menyebabkan negeri Hang Tuah itu turut terkena tempias apabila PH berjaya memenangi 15 kerusi DUN sekali gus melayakkan gabungan diterajui Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), PKR, DAP dan Parti Amanah Negara (PAN) membentuk majoriti mudah (BH Online 2018b).

Faktor pengundi atas pagar dan pengundi muda jelas memainkan peranan di sebalik gelombang kebangkitan PH di negeri itu yang didorong akibat desakan kos sara hidup terutama isu Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang menenggelamkan wibawa Datuk Seri Najib Razak serta BN secara keseluruhannya. Gelora kebangkitan rakyat Melaka dapat disaksikan melalui perhimpunan anjuran PH yang sebenarnya sudah digerakkan lebih setahun lalu. Kemuncak peralihan sokongan rakyat jelas dapat dilihat ketika Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad bersama kepimpinan gabungan itu mengadakan perhimpunan besar-besaran di Bukit Piatu pada malam 4 Mei 2018. Maka penolakan rakyat kepada BN jelas diterjemahkan pada kertas undi.

Idris yang berjaya mempertahankan kerusi DUN Sungai Udang gagal membendung kebangkitan rakyat, termasuk mempertahankan beberapa kerusi 'simpanan tetap' BN yang kini beralih kepada PH. Kejutan terbesar apabila bekas Ketua Menteri, Tan Sri Mohd Ali Rustam gagal dalam dua cubaan memenangi Parlimen Hang Tuah daripada penyandanginya daripada PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin. Mohd Ali mendapat 30,427 undi berbanding Shamsul Iskandar yang memperoleh 39,067 undi dan calon PAS, Dr Md Khalid Kassim dengan 7,089 undi. Mengalami nasib sama, bekas Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah yang mendapat 7,843 undi selepas tewas kepada bekas pemimpin muda UMNO, Mohd Rafiq Naizamohideen daripada PKR yang memperoleh 12,102 undi manakala calon PAS pula Rafie Ahmad dengan 1,552 undi. Keputusan terbaik BN hanya dicatatkan di Parlimen Masjid Tanah yang disandang Ketua Puteri UMNO, Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin. Semua lima kerusi DUN di parlimen itu iaitu Kuala Linggi, Tanjung Bidara, Ayer Limau, Lendu dan Taboh Naning turut dimenangi BN.

PH pula memenangi kerusi DUN Rembia, Gadek, Machap Jaya, Durian Tunggal, Paya Rumput, Klebang, Pengkalan Batu, Ayer Keroh, Bukit Katil, Kesidang, Kota Laksamana, Duyong, Bandar Hilir, Telok Mas dan Bemban. Bagi kerusi Parlimen, selain mengekalkan Hang Tuah Jaya dan Kota Melaka, Tangga Batu dan Alor Gajah turut ditawan PH. Pengerusi PH Melaka, Adly Zahari yang juga penyandang kerusi DUN Bukit Katil antara nama yang disebut-sebut bakal dilantik sebagai Ketua Menteri Melaka yang baharu.

PRU 2018 meninggalkan kesan yang mendalam terhadap politik BN/UMNO dengan tumbangannya Negeri Melaka yang antara kubu terkuat parti tersebut di negara ini, namun sokongan pengundi Melayu luar bandar di Melaka terus mengukuhkan hegemoni politik UMNO. Pengukuhan hegemoni atau kuasa politik UMNO didokong persepsi politik orang Melayu melalui sentimen perkauman dan ketuanan Melayu. Kawasan bandar di Melaka seperti Kota Melaka dan Hang Tuah Jaya pula menyaksikan sokongan terus diberikan pengundi kepada PH manakala PAS menerima sedikit undi daripada kaum Melayu di luar bandar di Melaka. Dalam PRU 2018, pengundi di luar bandar di Melaka seperti di Jasin dan Masjid Tanah terutamanya orang Melayu yang mempunyai maklumat yang terhad serta persekitaran kawasan yang masih memerlukan pembangunan lebih cenderung kepada BN manakala pengundi bandar terutamanya orang muda serta etnik Cina yang sarat dengan sumber maklumat daripada media sosial serta berada di kawasan yang sudah maju lebih cenderung kepada PH. Secara keseluruhannya, majoriti pengundi Melayu di Melaka masih menyokong BN/UMNO seperti di Jasin dan Masjid Tanah. Mereka berpendapat kuasa politik Melayu perlu dikekalkan melalui UMNO kerana pentingnya pengekalan kuasa politik diberi kepada pemimpin parti yang berteraskan etnik/kaum Melayu iaitu UMNO di samping sentimen politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi Melayu. Mereka

juga berpandangan kestabilan politik dan kesinambungan pembangunan negara hanya akan tercapai melalui parti UMNO yang telah sekian lama memerintah negara ini melalui pengalaman dan kepakaran serta politik permuafakatan dan tolak ansur UMNO terhadap kaum-kaum bukan Melayu di Malaysia.

BN iaitu UMNO menang di 13 kawasan DUN majoriti Melayu iaitu di Kuala Linggi, Tanjung Bidara, Ayer Limau, Lendu, Taboh Naning, Asahan, Sungai Udang, Pantai Kundor, Ayer Molek, Rim, Serkam, Merlimau dan Sungai Rambai, sedangkan PH menang di kawasan majoriti etnik Cina dan di kawasan bandar iaitu di 15 kawasan DUN yang merangkumi Rembia, Gadek, Machap Jaya, Durian Tunggal, Paya Rumput, Klebang, Pengkalan Batu, Ayer Keroh, Bukit Katil, Kesidang, Kota Laksamana, Duyong, Bandar Hilir, Telok Mas dan Bemban. Ini menunjukkan bahawa BN/UMNO masih berpengaruh di kawasan luar bandar yang majoriti pengundinya adalah daripada etnik Melayu.

Sokongan etnik Melayu kepada UMNO masih kukuh di kawasan luar bandar di Melaka seperti di Jasin dan Masjid Tanah bersandarkan kepada beberapa faktor. Pengundi Melayu di kawasan luar bandar lebih selesa dengan UMNO kerana perlembagaan dan dasar perjuangan UMNO jelas untuk membela bangsa Melayu dan agama Islam. Hakikat ini juga disandarkan kepada *track record* UMNO dalam mentadbir negeri dan negara yang banyak memberi manfaat kepada perkembangan sosioekonomi orang Melayu. Selain itu, orang Melayu mempunyai ciri feudalisme yang kuat iaitu bangga dengan identiti kebangsaan yang utuh, patuh dan setia kepada kepimpinan elit Melayu dan sayangkan tanah air asal ini iaitu Tanah Melayu.

Secara mikronya pengundi Melayu di Melaka mempunyai sentimen dan pengaruh 'keMelayuan' yang lebih menebal berbanding orang Melayu di negeri-negeri lain kerana menurut lagendanya negeri ini merupakan negeri asal pahlawan Melayu yang terbilang iaitu 'Hang Tuah' yang terkenal dengan kata-kata keramat beliau 'Tak Melayu Hilang Di Dunia'. Justeru, platform politik tunjang Melayu iaitu UMNO menjadi wadah perjuangan dan sokongan tidak berbelah bahagi mereka sejak zaman berzaman. Kesetiaan mereka kepada parti keramat orang Melayu ini tidak boleh dipertikaikan lagi dan sokongan ini diterjemahkan dalam setiap kali pilihan raya di Melaka. Trek rekod pemerintahan BN/UMNO di negeri ini tidak boleh dinafikan lagi dengan pengalaman serta toleransi dalam memutuskan dasar pemerintahan Kerajaan Negeri yang ditunjangi UMNO ini. Keadaan sedemikian menjadikan tiada sebab bagi pengundi Melayu di Melaka khasnya untuk menyokong parti selain UMNO/BN. Sentimen keMelayuan dan trek rekod pemerintahan BN/UMNO di Melaka ini mengukuhkan pendirian dan perlakuan politik pengundi Melayu di Merlimau dan Melaka dan menjadikan mereka sebagai pengundi 'tegar', 'setia' dan 'totok' UMNO/BN sejak pilihan raya umum pertama negara ini hinggalah sekarang.

Menurut Syed Hussein (1972), pengertian Melayu dapat dilihat melalui dua sudut iaitu sudut sosiobudaya dan juga perlembagaan. Dari sudut sosiobudaya orang Melayu bukan sahaja terdapat di Semenanjung tetapi juga di tempat lain seperti kepulauan Filipina dan Indonesia yang disebut Nusantara. Walaupun bertutur dalam dialek dan loghat yang berbeza serta berbeza agama, para sarjana beranggapan mereka ini daripada rumpun yang sama. Ini dapat dibuktikan dengan seorang tokoh nasionalis Filipina Jose Rizal dengan ungkapan 'the pride of the Malay race' walaupun beliau tidak beragama Islam (Wan Hashim 1996). Ikatan rumpun Melayu ini dipisahkan oleh penjajah barat di rantau ini, misalnya British di Malaya dan Brunei, Belanda di Indonesia dan Sepanyol di Filipina. Oleh itu, kewujudan Melayu

adalah berasaskan negara, iaitu Melayu Malaysia, Melayu Indonesia dan Melayu Brunei (Syed Hussein 1972). Melayu juga dikaitkan dengan budaya politik penaungan (penaung-dinaung) antara golongan bangsawan dengan rakyat bawahan yang membentuk budaya politik despotik iaitu urusan pemerintahan dikawal sepenuhnya oleh golongan pemerintah tanpa sebarang bantahan atau persoalan daripada golongan bawahan (Milner 2016).

Orang Melayu juga bersifat feudalisme iaitu patuh kepada pemimpin dan mendapat habuan daripada pemimpin tersebut. Feudalisme berasal daripada perkataan feu, feud atau feudum atau dikenali sebagai *fee* atau *fief* (tanah kebun) pada masa ini. Feudalisme muncul apabila ia dibahaskan dari perspektif perundangan semasa zaman Eropah Pertengahan (Critchley 1978). Oleh itu, feudalisme bermaksud simbol kepatuhan daripada golongan yang diperintah terhadap golongan pemerintah. Feudalisme juga melibatkan hubungan timbal balas iaitu antara golongan pemerintah yang disokong atau diundi oleh golongan yang diperintah, kemudian golongan yang diperintah akan memperoleh kesenangan atau habuan daripada golongan pemerintah dari segi kebendaan dan bukan kebendaan (Mazli & Jamaie 2018). Kemudian istilah neofeudalisme pula muncul dalam landskap politik semasa seperti yang disebut oleh Syed Husin (1979) yang menyatakan bahawa neofeudalisme merupakan amalan dan nilai feudal yang dihidupkan semula dalam bentuk baharu. Neofeudalisme merupakan penumpahan taat setia kepada pemerintah (Noor Sulastry Yurni 2014) di samping terus bergantung kepada pembangunan yang dibawa oleh kerajaan/pemerintah dengan istilah 'politik pembangunan', 'hegemoni politik', 'manipulasi politik', 'patron-client' dan 'politik penaungan'.

Budaya politik Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur feudal seperti sifat taat setia, akur, submisif dan dikukuhkan lagi dengan hubungan politik *patron-client* (penaung-dinaung) antara yang memerintah dengan yang diperintah yang ditunjukkan oleh rakyat sebagai balasan terima kasih (Jamaie et al. 2005; Noor Sulastry Yurni 2009). Keadaan sedemikian mengukuhkan lagi kepemimpinan hegemoni politik Melayu yang ditunjangi UMNO sebagai tulang belakang Barisan Nasional (BN). Dalam memperkatakan budaya politik Melayu, beberapa ciri yang sering dikaitkan dengan budaya politik Melayu iaitu ekonomi, Raja-Raja Melayu, Islam, Bahasa Melayu dan keadilan/ketelusan (politik baru). Kesemua ciri-ciri budaya politik Melayu tersebut mempengaruhi sokongan terhadap BN dalam setiap pilihan raya.

Kebanyakan daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar seperti di Melaka menyokong UMNO kerana mereka menganggap UMNO yang menjadi tunjang dan juga tulang belakang BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Orang Melayu di kawasan luar bandar berkecenderungan untuk menyokong seterusnya mengundi calon UMNO kerana mereka ingin melihat keamanan, kemajuan, perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan politik serta masih bergantung kepada pembangunan berterusan di kawasan mereka. Mereka masih memerlukan pembangunan yang berterusan di kawasan mereka kerana masih ramai di kalangan mereka yang miskin dan terpinggir seterusnya memerlukan pembelaan parti bangsa Melayu tersebut. Justeru, dengan sokongan yang diberikan kepada UMNO, mereka berharap kesinambungan pembangunan dapat diteruskan oleh pemimpin Melayu UMNO untuk terus berkuasa dalam politik negara. Mereka juga berpandangan bahawa hanya UMNO yang dapat memperjuangkan dan mempertahankan hak-hak dan ketuanan Melayu serta memartabatkan institusi Raja/Kesultanan dan kesucian agama Islam. Mereka juga mahukan jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dikekalkan

kepada pemimpin Melayu dengan harapan pemimpin Melayu ini dapat menjaga kedaulatan agama, bangsa dan negara tanah air. Mereka juga berpandangan bahawa BN sudah teruji dan terbukti berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Rukunegara dan Perlembagaan Persekutuan (Junaidi & Mohd Fuad 2011).

Sokongan orang Melayu kepada UMNO juga berdasarkan kepada pengalaman dan kecemerlangan BN dalam memacu kemajuan negara dan masyarakat selama ini. Faktor lain yang menyumbang kepada keyakinan orang Melayu kepada BN adalah disebabkan mereka masih yakin terhadap BN dengan dasar politik yang bertunjangkan politik pembangunan. Isu/sentimen nasional yang dicetuskan pembangkang tidak diterima baik pengundi Melayu luar bandar. Keberkesanan jentera kempen BN yang cukup efektif berbanding jentera kempen pembangkang juga tidak boleh dinafikan lagi. Ini ditambah lagi dengan barisan calon UMNO yang lebih berwibawa, berpengalaman dan berkelulusan tinggi. Kesepakatan amat longgar di kalangan pembangkang juga menyumbang kepada sokongan padu kepada UMNO.

Secara keseluruhannya, politik Melayu lebih bersifat 'feudalisme' iaitu patuh dan taat kepada pemerintah dan mengekalkan 'status quo' UMNO sebagai wadah perjuangan orang Melayu di Malaysia. Ini dikuatkan lagi dengan hujah bahawa orang Melayu sebagai pribumi asal serta pejuang kemerdekaan di Malaysia dan merupakan 'tuan' serta terus-menerus menguasai politik dan pentadbiran di negara ini. Justeru, hegemoni politik Melayu akan terus kekal relevan selagi UMNO sebagai parti keramat orang Melayu bertapak dan berperanan kukuh dalam mempertahankan hak dan kedaulatan Melayu di persada tanah air ini.

Pasca PRU-14

Pasca PRU 2018 menunjukkan bahawa keputusan PRU 2018 bagi DUN Melaka memperlihatkan PH berjaya membentuk Kerajaan Negeri dengan majoriti 2 kerusi DUN sahaja iaitu dengan majoriti mudah. PH memilih Pengerusi PH negeri Meraka iaitu Adly Zahari sebagai Ketua Menteri dengan mendapat perkenan Yang Dipertua Negeri Melaka iaitu Tun Khalil Yaakob. Adly Zahari yang juga Pengerusi AMANAH Melaka yang juga Ketua Menteri (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Kewangan Tanah Perancangan Ekonomi dan Hal Ehwal Agama negeri) mengumumkan senarai 10 EXCO baharu pada Majlis Istiadat Angkat Sumpah Jawatan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka, di Dewan Seri Negeri. Mendahului senarai pada majlis pelantikan di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Mohd Rafiq Naizamohideen (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Pelaburan negeri); Tey Kok Kiew (Bandar Hilir-DAP) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar); Muhammad Jailani Khamis (Rembia-PKR) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri); Mohd Sofi Abd. Wahab (Durian Tunggal-Parti Amanah Negara/AMANAH) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kemudahan Awam); dan G Saminathan (Gadek-DAP) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, NGO dan Hal Ehwal Pengguna Negeri). Yang turut dilantik, Norhizam Hassan Baktee (Pengkalan Batu-DAP) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani Negeri), Ginie Lim Siew Lin (Machap Jaya-PKR) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga dan Hal Ehwal Kebajikan Negeri), Noor Effandi Ahmad (Telok Mas-PPBM) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri), Low Chee Leong (Kota Laksamana-DAP) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Negeri) dan Kerk

Chee Yee (Ayer Keroh-DAP) (Portfolio: Pengerusi Jawatankuasa Komunikasi Multimedia, Perhimpunan Belia dan Sukan Negeri). Adly menyatakan bahawa semua ahli EXCO kerajaan negeri baru dilantik itu perlu merealisasikan tanggungjawab dan amanah besar dijanjikan dalam manifesto PRU-14 yang mengandungi 20 aku janji serta 85 inisiatif bagi tempoh lima tahun. Selepas PRU-14, semua pihak yang dipilih rakyat perlu bersama-sama kerajaan baharu ini untuk membangunkan Malaysia amnya dan Melaka khususnya untuk menjadi negeri lebih maju, sejahtera lagi berwibawa.

Kerajaan Pakatan Harapan (PH) Melaka akan membawa misi Melaka Berwibawa Harapan Rakyat dengan sistem pentadbiran bertitik tolak daripada konsep peduli rakyat, elemen berpakat dan bermuafakat, serta integriti dalam setiap keputusan untuk lebih telus, adil dan saksama," katanya. Beliau yang juga ADUN Bukit Katil berkata, usaha mensejahterakan rakyat boleh dilaksanakan melalui tiga kaedah. Katanya, kaedah berkenaan ialah memastikan tiada golongan kelaparan dengan pendapatan rakyat mencukupi, tiada kejahilan dengan memberi ilmu pengetahuan dan pendidikan secukupnya; serta menghilangkan kebimbangan rakyat mengenai isu sosial dan sebagainya. Seluruh 20 aku janji dengan 85 inisiatif ini berbentuk inklusif merangkumi pelbagai bidang, termasuk pentadbiran kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan pentadbiran tanah, pendidikan, kesihatan, kebajikan dan kerohanian, sukan, alam sekitar serta teknologi maklumat membabitkan semua kaum. Pentadbiran baharu ini akan meneruskan setiap pelaburan asing yang memberi manfaat ke arah kesejahteraan rakyat, selain menambah baik produk pelancongan sedia ada dan menerokai yang baharu. Di samping itu, mewujudkan ekonomi yang kondusif, meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dan memperkukuhkan sosioekonomi (BH Online 2018c).

Seterusnya, Ahli Parlimen Masjid Tanah, Datuk Mas Ermieyati Samsudin mengumumkan keluar daripada UMNO dan menjadi ahli parlimen bebas pada 1 Julai 2018. Menurutnya, keputusan itu dibuat selepas melihat reaksi, sentimen dan sikap sebenar ahli UMNO yang masih dalam sindrom penafian termasuk harapan untuk melihat mereka memilih sekurang-kurangnya 70 peratus muka baru yang berwibawa dalam pemilihan UMNO di pelbagai peringkat tidak kesampaian. Malah, beliau turut percaya kepimpinan sedia ada masih enggan menerima kenyataan bahawa rakyat telah menolak UMNO, sebaliknya mereka beranggapan parti hanyalah mangsa kebencian rakyat kepada Datuk Seri Najib Tun Razak semata-mata. Beliau selepas ini mahu menjadi penegur dan penasihat kepada pihak kerajaan tanpa terikat dengan etika ahli parlimen yang mewakili sesebuah parti. Beliau yang juga bekas Ketua Puteri UMNO berkata, tindakan keluar parti itu juga membolehkan memberi fokus sepenuhnya sebagai Ahli Parlimen Masjid Tanah, berbahas serta berhujah di Parlimen demi menjaga hal ehwal kebajikan dan pembangunan yang sewajarnya untuk dinikmati oleh penduduk di kawasannya itu. Beliau mahu melindungi hak-hak rakyat Malaysia sebagai ahli dewan yang efektif serta menjadi Ahli Dewan Rakyat yang bebas melangkaui sempadan keterbatasan sebagai ahli mana-mana parti yang pastinya mengikat di sana sini. 'Power corrupts and absolute power corrupts absolutely' dan berlandaskan latar belakang beliau sebagai bekas peguam, beliau berharap untuk membuat yang terbaik bagi rakyat Malaysia untuk memastikan badan eksekutif di pantau oleh Parlimen yang efektif (Sinar Harian 2018).

Beliau kemudiannya menyertai BERSATU pada 13 Disember 2018. Keputusan beliau untuk itu adalah kerana ingin mencari penyelesaian yang lebih berkesan dalam membela kepentingan terutama pengundi di parlimennya, Masjid Tanah. Beliau berharap dapat turut sama membantu usaha BERSATU selaku parti komponen kerajaan dalam melaksanakan agenda pemerksaan wanita muda, di samping bersikap lebih terbuka dalam

memperjuangkan nasib belia supaya mereka dapat merasai satu kehidupan yang lebih baik dan juga untuk mewujudkan masa hadapan yang lebih cerah bagi Malaysia. Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat dari Masjid Tanah, Melaka dan seluruh negara yang banyak membantu sepanjang saya berkhidmat sebagai Ahli Parlimen, dari peringkat nasional sehingga ke akar umbi. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi BERSATU, Tun Dr Mahathir Mohamad dan kepimpinan parti kerana berkenan menerima penyertaan beliau dalam BERSATU. Beliau berharap Malaysia baharu akan mewujudkan budaya politik lebih matang, inklusif, di samping meletakkan tadbir urus dan integriti sebagai keutamaan. Katanya, sudah tiba masanya semua pihak tanpa mengira fahaman politik dapat mencari satu titik persamaan demi kepentingan rakyat.

Calon PH (AMANAH) bagi kawasan Parlimen Jasin iaitu Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan telah membawa keputusan PRU 2018 bagi parlimen tersebut ke Mahkamah Pilihan Raya pada Jun 2018 menurut Seksyen 34(C) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan memohon deklarasi keputusan PRU-14 bagi kerusi Parlimen Jasin batal dan tidak sah mendakwa ahli politik BN itu dipilih secara tidak sah dan pilihan raya baharu perlu diadakan. Pada PRU-14, Khairuddin tewas kepada Ahmad dengan perbezaan 219 undi dalam pertandingan tiga penjuror yang menyaksikan Ahmad mempertahankan kerusi itu selepas menerima 26,560 undi manakala Khairuddin memperoleh 26,341 undi sementara calon PAS Abd Alim Shapie mendapat 8,860 undi.

Kemudian pada Oktober 2018, Mahkamah Pilihan Raya menolak petisyen Khairuddin selepas membenarkan bantahan awal kali pertama oleh Ahmad, calon dari Barisan Nasional (BN). Kemudian pada 18 Februari 2019, panel lima hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai Ketua Hakim Negara, Tan Sri Richard Malanjum mengembalikan petisyen pilihan raya Parlimen Jasin yang difailkan Khairuddin ke Mahkamah Pilihan Raya untuk dibicarakan di hadapan hakim Mahkamah Pilihan Raya yang baharu.

Mahkamah Pilihan Raya pada 6 Mac 2019 menolak bantahan awal Anggota Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah untuk membatalkan petisyen pilihan raya yang difailkan calon Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) bagi kerusi Parlimen Jasin, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan. Hakim Datuk Abu Bakar Jais membuat keputusan itu setelah menolak bantahan kali kedua yang dikemukakan Ahmad, selaku responden pertama iaitu tempoh masa untuk menyelesaikan perbicaraan petisyen pilihan raya sudah melepasi enam bulan dari tarikh petisyen pilihan raya itu dikemukakan mengikut Seksyen 35A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Peguam Muniandy Vestanathan yang mewakili Khairuddin berkata, mahkamah membuat keputusan itu selepas mendapati meskipun sudah melepasi tempoh enam bulan namun, Mahkamah Pilihan Raya mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes berkenaan.

Kemudian mahkamah menetapkan perbicaraan penuh akan bermula pada 11 Mac hingga 22 Mac 2019 untuk ketiga-tiga responden. Peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun mewakili Ahmad manakala Datuk Firoz Hussein Ahmad Jamaluddin mewakili Pegawai Pengurus Pilihan Raya kerusi Parlimen Jasin, Zamrud Yahya dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Khairuddin dalam petisyennya menamakan Ahmad sebagai responden pertama, Zamrud responden kedua dan SPR responden ketiga. Mahkamah Pilihan Raya menetapkan keputusan untuk petisyen pilihan raya Parlimen Jasin dijadualkan pada 12 Jun depan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Peguam, Muniandy Vestanathan, yang mewakili calon Pakatan Harapan (PH) bagi kerusi itu pada Pilihan Raya Umum Ke-14, Datuk Seri Khairuddin Abu

Hassan, berkata perbicaraan bagi petisyen berkenaan di Mahkamah Pilihan Raya, tamat 14 Mei 2019. Seramai 44 saksi dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan. Sekarang hanya tunggu untuk penyerahan dan keputusan.

Pada 12 Jun 2019, Bekas Ketua Umno Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan gagal mencabar kemenangan calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu. Keputusan itu diumumkan selepas Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di sini hari ini menolak petisyen pilihan raya yang dikemukakan Khairuddin, yang merupakan calon PH selepas memutuskan kemenangan Ahmad di kerusi Parlimen Jasin adalah sah dan tidak melanggar Akta Kesalahan Pilihan Raya. Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Abu Bakar Jais menolak petisyen tersebut dengan kos sebanyak RM200,000 yang perlu dibayar Khairuddin kepada Ahmad dan RM200,000 lagi kepada pengurus pilihan raya, Zamrud Yahya dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selaku responden kedua dan ketiga. Pakatan Harapan (PH) Melaka menghormati keputusan Mahkamah Pilihan Raya pada Rabu mengekalkan kemenangan Parlimen Jasin kepada penyandangannya Datuk Seri Ahmad Hamzah daripada Barisan Nasional (BN). Pengerusi PH Melaka Adly Zahari juga Ketua Menteri Melaka berkata sehubungan itu PH akan terus memberi khidmat kepada rakyat di Jasin dan di negeri Melaka secara keseluruhannya (Sinar Harian 2019).

Pembentukan kerajaan baharu oleh Pakatan Harapan (PH) tidak bertahan lama apabila krisis politik Malaysia berlaku pada awal tahun 2020. Ianya membawa kepada perletakan jawatan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh pada 24 Februari 2020 dan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelapan pada 1 Mac 2020. Peristiwa ini memperlihatkan penyingkiran kerajaan gabungan Pakatan Harapan (PH) selepas berkuasa selama 22 bulan berikutan kemenangan mereka pada Pilihan Raya Umum (PRU14) pada tahun 2018.

Justeru, politik negara ini menyaksikan berlaku lagi perubahan ekoran daripada pengumuman Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 24 Februari 2020, yang parti tersebut telah keluar daripada Pakatan Harapan dan bergabung dengan Muafakat Nasional (MN) yang dianggotai UMNO dan PAS serta MCA dan MIC yang akhirnya membentuk Kerajaan Perikatan Nasional (PN). Krisis ini bermula apabila beberapa parti politik bergabung dan cuba membentuk kerajaan baru dengan mendakwa majoriti kerusi di Dewan Rakyat Parlimen Malaysia, tanpa melalui pilihan raya. Ianya dicapai melalui penarikan diri Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) atau BERSATU dari gabungan Pakatan Harapan (PH) dan melalui sokongan beberapa ahli parlimen dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang meninggalkan parti itu. Akibatnya, perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah, kemudian bertemu dengan 222 Ahli Parlimen dan pemimpin parti politik untuk mendapat sokongan mereka terhadap Perdana Menteri yang baharu. Baginda akhirnya melantik Presiden BERSATU, iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri baharu. Tan Sri Muhyiddin mengumumkan bahawa kerajaan gabungannya akan dikenali sebagai Perikatan Nasional (PN). Oleh itu, empat negeri, iaitu Johor, Melaka, Perak dan Kedah juga telah mengalami perubahan dalam kerajaan negeri kerana Perikatan Nasional (PN) memperoleh majoriti mudah di Dewan Negeri Johor, Dewan Undangan Negeri Melaka, Dewan Undangan Negeri Perak dan Dewan Undangan Negeri Kedah.

Pada 9 Mac 2020, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan pembentukan kabinet baharu kerajaan yang merangkumi BERSATU, Barisan Nasional, Gabungan Parti Sarawak, Gabungan Bersatu Sabah dan PAS. Beliau menyatakan Kerajaan Perikatan Nasional di bawah pimpinan beliau akan membentuk sebuah kabinet yang memberi tumpuan kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih berfokus dan berkesan, cekap, peduli rakyat, telus dan berintegriti dengan struktur yang lebih mantap. Barisan kabinet beliau akan dianggotai oleh tokoh-tokoh politik yang berpengalaman, teknokrat dan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu.

Pada 2 Mac 2020, Barisan Nasional (BN) Melaka mengumumkan pembentukan kerajaan negeri baharu menerusi gabungan bersama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Pengerusi BN negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, ketika mengumumkan perkara itu, turut mengesahkan penyertaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia daripada PKR, Datuk Muhammad Jailani Khamis, dan ADUN Pengkalan Batu daripada DAP, Datuk Norhizam Hassan Baktee, dalam gabungan Perikatan Nasional. Ketika ini BN mempunyai 13 ADUN, ditambah dua ADUN BERSATU iaitu Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen (Paya Rumpit) dan Datuk Noor Effandi Ahmad (Telok Mas) selain Jailani dan Norhizam menjadikan PN mempunyai sokongan majoriti ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu dengan 16 kerusi DUN berbanding PH 12 ADUN. Secara rasminya, kerajaan negeri ketika ini tidak berfungsi dan Perikatan Nasional akan mengambil alih pentadbiran negeri (BH Online 2020a).

Pada 2 Mac 2020, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob telah mendapat representasi bahawa Ketua Menteri, Adly Zahari tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Melaka. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Datuk Seri Hasim Hasan berkata, atas budi bicaranya, Yang di-Pertua Negeri Melaka tidak bersetuju dengan permohonan membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka yang dibawa Adly. Oleh yang demikian berdasarkan Perkara 7(4) Perlembagaan Negeri Melaka, Ketua Menteri Melaka hendaklah meletakkan jawatan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, katanya, berdasarkan Perkara 7 (2)(a) Perlembagaan Negeri Melaka, Mohd Khalil akan melantik seorang ADUN sebagai Ketua Menteri yang baharu dalam masa terdekat yang pada pendapatnya mendapat kepercayaan sebilangan besar ADUN Melaka. Terdahulu, Adly Zahari dalam satu kenyataan media di Facebooknya menyatakan beliau mencadangkan kepada TYT Negeri Melaka untuk membubarkan DUN memberi laluan kepada Pilihanraya Negeri dijalankan. Pada 3 Mac 2020, YB Tuan Adly Zahari mengadakan sidang akhbar, di mana beliau menyatakan bahawa beliau tidak akan meletakkan jawatannya sebagai ketua menteri Melaka. Walau bagaimanapun, beliau telah dimaklumkan oleh pegawai khas Yang di-Pertua Negeri Melaka bahawa beliau bukan lagi Ketua Menteri Melaka dan telah diberhentikan pada petang sebelumnya.

Pada 9 Mac 2020, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lendu Sulaiman Md Ali daripada Barisan Nasional (BN) diisytiharkan sebagai Ketua Menteri Melaka yang baru oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Hasim Hasan. Sulaiman, 54, yang juga setiausaha Badan Perhubungan Umno Melaka menjadi Ketua Menteri Melaka Ke-12 menggantikan Adly Zahari yang dilantik Ketua Menteri Melaka Ke-11 pada 11 Mei 2018. Perisytiharan pelantikan itu dibuat Hasim pada Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan dan Angkat Sumpah Jawatan, Taat Setia Serta Sumpah Simpan Rahsia Ketua Menteri Melaka Ke-12

dihadiri Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Dr Mohd Khalil Yaakob. Istiadat itu berlangsung di Dewan Seri Utama, Pejabat Yang Dipertua Negeri Melaka di Ayer Keroh di Melaka. Pada 2 Mac 2020 dilaporkan Mohd Khalil mendapat representasi bahawa Adly tidak lagi mendapat kepercayaan sebilangan besar Adun Melaka sebagai Ketua Menteri Melaka, sehubungan itu Mohd Khalil melantik seorang Adun sebagai Ketua Menteri yang baru (Malaysiakini 2020).

Pada 13 Mac 2020, 10 EXCO Kerajaan Melaka mengangkat sumpah di depan Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Dr Mohd Khalil Yaakob. Bekas Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Udang bakal dilantik sebagai Exco Pembangunan Daerah Luar Bandar dan Pengurusan Banjir. Dua Exco Melaka semasa kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang menyokong gabungan Perikatan Nasional dilantik semula memegang portfolio sama iaitu ADUN Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee dan ADUN Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis. Norhizam yang juga bekas ADUN DAP dilantik semula sebagai Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan dan Industri Asas Tani manakala Muhammad Jailani dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) sebagai Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan. Ketua Menteri Melaka, Datuk Sulaiman Md Ali berkata, tiga ADUN itu antara 10 barisan Exco yang akan menerajui kerajaan negeri Melaka baharu di bawah pimpinan kerajaan Perikatan Nasional.

Beliau yang juga ADUN Lendu mengumumkan akan memegang portfolio Perancangan Ekonomi, Kewangan, Pembangunan Tanah, Pantai dan Sungai, Pengurusan Air, Hal Ehwal Agama, Perindustrian, Pelaburan, Teknologi, Komunikasi, Multimedia dan Agensi Berkaitan Kerajaan (GLC). Dua ADUN Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Rafiq Naizamohideen dilantik sebagai Exco Badan Bukan Kerajaan (NGO), Pembangunan Belia dan Sukan manakala Datuk Noor Effandi Ahmad (Telok Mas-Bersatu) memegang portfolio Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknikal dan Vokasional, Sains dan Inovasi. Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar, Datuk Seri Abdul Ghafar Atan (Asahan-BN); Exco Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan, Datuk Latifah Omar (Taboh Nanning-BN) dan Exco Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur, Datuk Roslan Datuk Ahmad (Merlimau-BN) serta Exco Kesihatan dan Antidadah, Rahmad Mariman (Ayer Molek-BN), katanya pada sidang media di pejabat Ketua Menteri di Seri Negeri, Ayer Keroh. Beliau turut memberitahu masih terdapat satu portfolio yang masih dikosongkan iaitu Perpaduan, Perhubungan Masyarakat, Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna dan dijangka diisi dalam tempoh sebulan ini. Akhirnya kekosongan tersebut diisi oleh ADUN Kuala Linggi iaitu Datuk Wira Ar. Haji Ismail Othman (BH Online 2020b).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, kejayaan PH menawan DUN Melaka daripada BN adalah satu peristiwa yang menakjubkan dan di luar jangkaan semua pihak. Namun perubahan politik tersebut disebabkan oleh isu nasional dan tekad untuk menjatuhkan BN oleh pengundi terutamanya golongan muda atau *first time voters*. Meskipun PH berjaya menawan DUN Melaka namun PH hanya menang dengan majoriti tipis iaitu 2 DUN sahaja. PH menang di kawasan bandar dan majoriti etnik Cina manakala BN/UMNO terus unggul di kawasan luar bandar dan majoriti etnik Melayu. Kemudian apabila BERSATU keluar daripada PH dan membentuk Perikatan Nasional (PN) bersama-sama dengan BN, PAS, GPS dan GBS yang menguasai Kerajaan Persekutuan pada Mac 2020 maka Kerajaan Negeri Melaka juga jatuh daripada PH kepada PN yang diketuai BN hasil daripada lompat parti oleh dua ADUN BERSATU, satu ADUN PKR dan satu ADUN DAP menjadikan PN menguasai 17 kerusi DUN manakala PH hanya tinggal 11 kerusi DUN. Begitulah ilmu politik, tiada yang mustahil

dan politik itu sendiri bersifat dinamik, berseni dan kadang-kadang sukar dijangka. Dengan itu, semua pihak perlu menerima keputusan politik rakyat Melaka ini dan memberi peluang kepada pimpinan Kerajaan Negeri untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pemerintah di negeri ini untuk melaksanakan manifesto atau 'aku janji' sepanjang lima tahun pemerintahan mereka di negeri bersejarah ini.

Rujukan

- Abu Hanifah Haris. (2019). Melaka: makna di sebalik kejatuhan Barisan Nasional dan Kebangkitan Pakatan Harapan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amalina Anuar & Chan Xin Ying. (2020). Gambling on grievances. In Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Oxon: Routledge.
- BH Online. (2018a). 5 teras, 62 inisiatif Manifesto BN Melaka. 13 April. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/04/411820/5-teras-62-inisiatif-manifesto-bn-melaka>. [29 Mac 2021].
- BH Online. (2018b). BN Melaka tumbang disebalik formula '24451'. 10 Mei. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/423980/bn-melaka-tumbang-disebalik-formula-24451>. [29 Mac 2021].
- BH Online. (2018c). 10 EXCO Melaka angkat sumpah jawatan. 16 Mei. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/426390/10-exco-melaka-angkat-sumpah-jawatan>. [29 Mac 2021].
- BH Online. (2020a). Kerajaan PH Melaka tumbang. 2 Mac. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/661310/bhplus>. [29 Mac 2021].
- BH Online. (2020a). Idris Haron dilantik EXCO Melaka. 13 Mac. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/664978/idris-haron-dilantik-exco-melaka>. [29 Mac 2021].
- Critchley, J. (1978). *Feudalism*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Ding Chin Wei (2018). Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P.137) Bukit Katil, Melaka. Latihan Ilmiah, Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Ding Chin Wei & Junaidi Awang Besar. (2018a). Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P.137) Bukit Katil, Melaka. *Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda 2018 (PERSADA 2018)*. Tempat: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Tarikh 12 dan 13 Mei 2018 (Sabtu dan Ahad).
- Ding Chin Wei & Junaidi Awang Besar. (2018b). Peranan Strategik Persempadanan Semula Bahagian Pilihan Raya Menuju Pilihan Raya Umum Ke-14 di Kawasan Parlimen (P.137) Bukit Katil, Melaka. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3) Sept 2018, 1-22.
- Goo Lee Ping. (2002). Kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaie Hj. Hamil, Mohd Mahadee Ismail, Nidzam Sulaiman, Suzanna Mohamad Isa & Zaini Othman. (2005). Budaya Politik Melayu: Kesenambungan dan Perubahan. Dlm Sity Daud & Zarina Othman. *Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2011). Penguatan Hegemoni Politik UMNO/BN melalui Sokongan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN

- Tenang, Kerdu dan Merlimau. *Simposium Kebudayaan Indonesia – Malaysia (SKIM) XII, 2011*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. 29-30 November 2011.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2016). Peranan Pengundi Melayu Dalam Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO Dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu dan Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos (Editor). *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Malaysiakini. (2018). Kod 24451 strategi BN Melaka berdepan PRU14. 4 Mac <https://www.malaysiakini.com/news/414295>. [29 Mac 2021].
- Malaysiakini. (2020). Sulaiman Md Ali angkat sumpah KM Melaka. 9 Mac. <https://www.malaysiakini.com/news/513893>. [29 Mac 2021].
- Mazli Bidu & Jamaie Hamil. (2018). *Neofeudal UMNO: Politik dan Pembangunan Luar Bandar*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Milner, A. (2016). *Kerajaan: Budaya Politik Melayu di Ambang Pemerintahan Kolonial*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2009). Kepimpinan politik hegemoni Melayu dalam demokrasi Malaysia. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, 17 (7), 94-105.
- Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2014). *Hegemoni Budaya Politik Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sinar Harian. (2018). Mas Ermieyati keluar Umno. 5 Disember. <https://www.sinarharian.com.my/article/1931/BERITA/Politik/Mas-Ermieyati-keluar-Umno>. [29 Mac 2021].
- Sinar Harian. (2019). Ahmad Hamzah kekal Ahli Parlimen Jasin. 12 Jun. <https://www.sinarharian.com.my/article/32204/BERITA/Mahkamah/Ahmad-Hamzah-kekal-Ahli-Parlimen-Jasin>. [29 Mac 2021].
- Syed Husin Ali. (1979). *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn. Bhd.
- Syed Hussein Alatas. (1972). *Feudalism in Malaysia society: A Study in historical continuity*. Dlm. *Modernization and Social Change*, edited by Syed Hussein Alatas. London/Sydney: Angus and Robertson.
- Tan Heng Huat, William (1992) *Politik perkauman di Kota Melaka: Satu analisa daripada pilihanraya umum dari tahun 1969 hingga 1990*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Hashim Wan Teh. (1996). Pembentukan Ras Melayu Sebagai Kabilah Dunia. *Pemikir*, 3, 38-48
- Wong Tai-Chee. (2019). *Politik Perkauman dan Prospek Keharmonian di Malaysia*. Terj. Lee Hao Jie. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.